



جامعة تكنولوجيا مارا

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA TUAN EYO HOCK SENG

TOK DALANG WAYANG KULIT

OLEH:

AMIRUDDIN BIN MOHD NOR

2012358257

MOHD FAIZUL AMIN BIN SOHAIMIN

2012113739

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014 – JUL 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

TUAN EYO HOCK SENG

TOK DALANG WAYANG KULIT

OLEH:

AMIRUDDIN BIN MOHD NOR

2012358257

MOHD FAIZUL AMIN BIN SOHAIMIN

2012113739

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014 – JUL 2014)

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
BIODATA TOKOH	vi
PENGENALAN	ix
TRANSKRIP	2
LAMPIRAN	45
SOALAN	46
LOG TEMURAMAH	52
INDEKS	57

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalammualaikum Warahmatullahhiwabarakatuh. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat nafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi baik sebelum mahu pun selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan], Puan Nor Kamariah Binti Chik yang telah mencerahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar bagi menyiapkan projek ini

Tokoh yang kami hormati, Tuan Eyo Hock Seng dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kesudian beliau memberi kerjasama serta berkongsi ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami serta rakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan sepanjang proses dalam menghasilkan projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini mengandungi temubual bersama Tuan Eyo Hock Seng mengenai kerjaya beliau sebagai Tok Dalang wayang kulit. Beliau juga lebih mesra dikenali dengan panggilan Pak Chu Transkrip temubual ini dijalankan di perkarangan rumah Tuan Eyo Hock Seng di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan pada 24 April 2014 bermula pada jam 2.00 petang sehingga jam 4.00 petang. Beliau merupakan tokoh yang terlibat dalam wayang kulit dengan penuh komited dan konsisten dari awal pembabitan. Temubual ini menumpukan pada pengalaman beliau sepanjang pembabitan di dalam seni wayang kulit.


Kata kunci: Eyo Hock Seng, wayang kulit, pengalaman,

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH

TUAN EYO HOCK SENG

TOK DALANG TERSOHOR KELANTAN



1. BUTIR-BUTIR PERIBADI :

Nama: Eyo Hock Seng

Tarikh lahir: 3 Mei 1955

Tempat lahir: Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan

2. AKADEMIK

Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Poy Hwa

Sekolah Kebangsaan Pecah Kelubi

Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Uban

3. KUMPULAN DIKIR


Kumpulan Sri Campuran

EYO HOCK SENG

Eyo Hock Seng atau lebih dikenali di kalangan masyarakat tempatan sebagai Pak Chu atau Tok Dalang. Dilahirkan pada 3 Mei 1955 dan mula bermain wayang kulit sejak tahun 1979 lagi. Pada asalnya beliau menjadi pengikut atau murid kepada Dalang Dollah Baju Merah dan Dalang Mamat Epong Bukit Panau. Kerana meminati teknik dan gaya perdalangan Dollah Baju Merah, Eyo Hock Seng akhirnya memperlimaukan diri sebagai murid kepada dalang terkenal tersebut. Dalam persembahan wayang kulitnya, Eyo Hock Seng memiliki 12 buah cerita yang selalu dipersembahkan. Antaranya Sejarah Seri Rama, Sejarah Raden Lakjuna, Cerita Hanuman Lima, Cerita Hanuman Tenggiling, Hanuman Kebatu, Bayang Gerna, Perbu Anum dan Canang Kelenang.

PENGENALAN

PENGENALAN



Wayang Kulit merupakan sejenis teater tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara sebelum kedatangan pelbagai seni hiburan dan persembahan moden yang kebanyakannya berasaskan media elektronik. Ia merupakan satu bentuk persembahan teater yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang daripada patung-patung kulit yang terdiri daripada pelbagai watak methologi dan khayalan dimainkan oleh seorang Dalang. Persembahan wayang kulit selalunya diiringi oleh satu kumpulan muzik paluan atau gamelan dan juga alat tiupan (serunai) atau alat bertali (rebab). Wayang Kulit dipersembahkan dalam upacara atau perayaan tertentu. Fungsi Wayang Kulit ini adalah sebagai medium hiburan dan kadangkala dikaitkan dengan unsur ritual yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Seni persembahan ini tersebar dan membentuk satu identiti tersendiri dalam sesebuah masyarakat.

Asal usul wayang kulit telah banyak diperkatakan sebelum ini. Rata-rata berpendapat bahawa wayang kulit telah wujud di Indonesia sejak beberapa kurun lalu dan dibawa dari Indonesia serentak dengan proses penyebaran agama Hindu. Pendapat ini sukar dibuktikan sama ada benar atau tidak. Kalau pun benar, kebenaran ini mungkin dalam aspek-aspek tertentu sahaja. Tidak terdapat sebarang persamaan baik dari segi falsafah maupun dalam cara persembahan antara

wayang kulit Jawa atau Melayu dengan tradisi teater India. Bukti yang konkret pun tidak pernah dicatat secara pasti. Catatan yang ditemui hanya berupa pandangan dan pendapat yang diasaskan pada pergerakan sejarah semata-mata. Namun demikian cerita wayang kulit di Pulau Jawa, Bali atau Malaysia semuanya berasaskan pada dua hikayat Dewa-dewa, iaitu Mahabharata dan Ramayana. Begitu juga dengan persamaan istilah seperti wayang, dalang, panggung dan kelir.

Pengertian istilah wayang dalam bahasa Melayu ialah bayang-bayang yang bergerak ke sana ke mari. Dalang membawa erti orang yang melakukan persembahan wayang. Panggung pula membawa pengertian tempat berbumbung yang disekehelingnya tertutup dan digunakan untuk pertunjukan wayang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Tuan Eyo Hock Seng berkaitan penglibatan beliau dari 1978 hingga ke hari ini. Rakaman ini telah dijalankan sebanyak satu sesi di ruang halaman rumah Tuan Eyo Hock Seng di Pasir Mas, Kelantan bertarikh 24 April 2014 pada jam 2.00 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Mohd Faizul Amin bin Sohaimin dan dibantu oleh Amiruddin bin Mohd Nor. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

FA – Mohd Faizul Amin bin Sohaimin
EHS – Tuan Eyo Hock Seng

FA Bismillahhirahim salam sejahtera dan selamat petang saya ucapkan kepada Tuan Eyo Hock Seng kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam sesi temuramah ini. Sebelum kita pergi lebih mendalam lagi saya ingin memperkenalkan diri saya Mohd Faizul Amin dan kawan saya Amiruddin bin Mohd Nor. Jadi *saya ambil* [saya pilih] Pak Chu panggil Pak Chu *deh* [boleh]? Tentang pengalaman dalam hidup sebagai seorang anak seni yang mewarnai kesenian kebudayaan tradisional di negara kita. Kami merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di UiTM [Universiti Teknologi Mara] Machang Kelantan. Sesi temuramah ini diadakan bagi memenuhi tugas subjek pendokumentasian sejarah lisan yang diberikan oleh pensyarah kami Puan Nor Kamariah bt Chik. Kami pilih Pak Chu ini sebagai tokoh kerana ingin tahu bidang

wayang kulit. Tahu lah *hok* [yang] pok chu ni keturunan cina *hok* [yang] belajar *hok* [tahu] jadi tok dalang wayang kulit. Terima kasih banyak-banyak sebab sudi. Yang pertama sekali, nama nama penuh Pak Chu?

EHS Nama penuh saya Eyo Hock Seng tapi [tetapi] orang-orang *kat* [dekat] Kelantan ni *kat* [di] kampung *ni* [ini] selalu panggil *tok dale* [Tok Dalang] sebab kita *ni* [ini] kalau nak cari pun senang sebab nama tok dalang boleh tunjuk lah di mana rumah tok dalang sebabnya dalam kampung *ni* [ini] saya *sore* [seorang] *je* [sahaja] *tok dale* [Tok Dalang].

FA **Di kampung ini? Maknanya orang lain *tak dop* [tiada]?**

EHS Ha *tak dop* [tiada]

FA **Nama panggilan Pok Chu?**

EHS Nama panggilan Tok Dalang lah. Sebab kita sebagai - - - Pak Chu.

FA **Pada tahun berapa Pok Chu dilahirkan?**

EHS Saya dilahirkan pada *tiga hari bulan lima tahun lima puluh lima* [3/5/55] pada tahun *sembilan belas lima puluh lima* [1955].

FA? **Di mana?**

EHS Masa saya *lahir kat* [dilahirkan] di kampung Pasir Parit Kelantan.

FA **Kampung sini *doh ni* [ini]? Memang asal sini doh?**

EHS *Aah* [ya] saya duduk di kampung Pasir Parit *ni* [ini] sudah *lima* [5] generasi

FA **Lima [5] generasi?**

EHS *Aah* [ya], *ore* [orang] tua kita dulu *tok nye* [moyang] kita dulu *mari* [datang] dari negeri China.

FA **Memang keturunan asal dari sini dah ni? *Tak dok* asal dari tempat lain?**

EHS Iya semua dari sini *dio* [mereka] panggil sini Cina Peranakan.

- FA Nama ayah Pok Chu?**
- EHS** Ayah saya nama dia Eyo Yu Saw ibu saya bernama Kui Eh Lui. Ha ayah saya meninggal dalam *tahun lima puluh lima* [55] jugak sebelum saya lahir lagi. Saya duduk dalam kandungan ibu lebih *kure* [kurang] *lape* [8] *bule* [bulan] ayah saya meninggal.
- FA Jadi emak ada lagi?**
- EHS** Emak saya meninggal dalam tahun *dua ribu dua* [2002].
- FA Pak Chu ada *berapo* [berapa] adik beradik?**
- EHS** Adik beradik saya ada *lapan* [8]. *Tiga* [3] *laki-laki* [lelaki] dan *lima* [5] perempuan. Sekarang ini dia yang sudah meninggal dah *tiga* [3] orang. *Dua* [2] orang abang *satu* [1] kakak.
- FA Hok [Yang] lain duduk kawasan ini *ko* [ke] semua?**
- EHS** Hok [Yang] lain duduk *dale* [dalam] *kelate* [Kelantan] la.
- FA Lepas tu [itu] *kijo* [kerja] semua adik beradik *kijo* [kerja] *mano* [mana]?**
- EHS** *Dio* [dia] *kijo* [kerja] sendiri lah. – *Ado* [ada] *meniago* [berniaga] ada yang tanam sayur – *kijo* [kerja] sendiri.
- FA Terus nak tanya latar belakang pendidikan Pak Chu dan adik beradik?**
- EHS** Pendidikan saya, saya cuma mula-mula saya masuk *Sekolah Poh Ywa Pasir Parit* [Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Poy Hwa] makna sekolah cina lah sampai *takat* [setakat] darjah *tiga* [3]. Kemudian *ore* [orang] tua saya pindah *gi* [pergi] buat kebun di Kampung Bechah Kelubi makna dia buat macam pondok lah sementara dia tanam getah. Dia berhentikan saya di *Poh Ywa pasir Parit* [Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Poy Hwa] dan masukkan saya darjah *empat* [4] di Sekolah Kebangsaan Bechah Kelubi.
- FA Sekolah rendah biasa lah sampai habis darjah enam?**

EHS Habis darjah *enam* [6] saya masuk sekolah menengah sampai tingatan *satu* [1] sahaja untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Uban. Semasa *tu* [itu] sebab orang tua kita *ni* [ini] dalam golongan *doif* [miskin] dia tidak mampu nak beli basikal untuk kita ke sekolah sebab dia *daripada* [dari] sini ke Tok Uban *tu* [itu] lebih kurang dalam lima [5] kilometer [~~km~~]. Maknanya nak jalan kaki *tu* [itu] jauhlah. Sebab *tu* [itu] habis tingkatan satu saya berhenti.

FA Jadi sampai tingkatan satu saja [sahaja] lah?

EHS Sebabnya masa *tu* [itu] saya memang berminat kepada kebudayaan orang melayu macam dikir barat wayang kulit. Saya selalu ikut orang main mak yong, main puteri.

FA Pendidikan adik beradik lain?

EHS Pendidikan adik beradik lain pun lebih kurang macam *tu* [itu] jugak lah.

FA Lebih kurang macam itu jugak lah sampai tingkatan satu?

EHS Ya sampai tingkatan satu ---.

FA Selepas daripada itu Pak Chu ikut orang dikir barat atau Pak Chu kerja?

EHS Ha ya sebab saya berminat *ni* [ini] sebab masa *tu* [itu] saya duduk di Kampung Bechah Kelubi yang *ni* [ini] dia kampung orang melayu lah. Memang saya sorang *saja* [sahaja] cina. Kemudian saya bergaul dengan berkawan dengan orang melayu *tu* [itu] selalunya malam-malam *gi* [pergi] tengok dikir barat *gi* [pergi] tengok wayang kulit mak yong, puteri tu jadi saya berminat *lalu* [kemudian] saya pun balik *mari* [semula] saya belajar lah, belajar sorang - - - saya bolehlah ikut orang main wayang kulit. Ikut wayang kulit *tu* [itu] dalam tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978], *tujuh puluh enam* [76] *gitu* [begitu] lah. Saya ikut sebagai *panjak* [pemain muzik] orang main muziklah sampai ke tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] dan dia tok dalang *tu* [itu] suruh saya cuba main

- - - sebagai tok dalang muda dalam setahun kemudian masa *tu* [itu] tok dalang tua *tu* [itu] dia uzur, dia suruh main ganti tempat dia lah tok dalang tua. Orang tengok pun maknanya boleh main lah. Selepas saya main tok dalang tua orang tua saya macam ibu saya *ni* [ini] dia berminat *jugak* [juga] kepada wayang kulit. Kemudian dia bincang-bincang dengan saya dengan adik beradik saya dia akan belikan peralatan *dia* [wayang kulit]. Alatan muzik nya wayang kulit *tu* [itu] - - -. Pada masa *tu* [itu] ada tok dalang dia panggil Karim Paridu daripada Tumpat. Pergi ambil barang dia lah. Beli barang dia. Semasa *tu* [itu] saya ingat dalam *tiga ribu* [RM3000] harga. Satu set semua. Cukup semua lah dengan alat muzik dengan wayang kulit patung dia cukup. Kemudian saya balik saya panggil adik beradik saya, sepupu saya dan juga anak sedara untuk belajar main muzik *ni* [ini] sebagai tok dalang lah. Main-main *tu* [itu] dalam sampai ke setahun *ado* [ada] lah orang panggil pergi main tempat-tempat kenduri dan tempat majlis-majlis, tempat bersuka ria *gitu* [begitu] lah. Lepas *tu* [itu] saya boleh main lah. --- Lama kelamaan *tu* [itu] saya dijemput oleh Jabatan Kebudayaan, Jabatan Pelancongan dan juga warisan pergi dekat sebelah luar negeri lah.

FA

Jadi semasa tok dalang muda itu umur Pak Chu berapa?

EHS

Tok dalang muda *tu* [itu] saya rasa umur saya lebih kurang dalam *dua puluh* [20] atau *sembilan belas* [19].

FA

Jadi lepas [selepas] daripada itu dalam berapa tahun pulak sebelum jadi tok dalang untuk - - -?

EHS

Masa itu lepas saya belajar tok dalang muda dari tok dalang tua itu lebih kurang dalam *dua* [2] tahun macam itu lah. Saya dapat main Tok dalang tua. Kemudian saya berminat lagi sebab wayang kulit ini saya sudah tahu *dah* [sudah] boleh main *dah* [sudah]. Saya pergi belajar *pulok* [pulak] main dikir barat. Dikir barat

itu masa itu saya pergi belajar dengan dia sudah *mati* [meninggal] lah dia panggil Usman Wau Bulan daripada Belukar Kota Bharu. Saya pergi belajar dengan dia sebagai tukang karut. Masa itu ramai lah pergi jemput saya pergi majlis tukang karut sebab dia saya ini dia *kira* [anggap] berlainan sikit sebab saya ini orang Cina yang maknanya macam mana orang Cina ini boleh mengarut dikir barat.

FA Ha kata unik sikit lah dia kata sebab benda ini tak dok [tiada]

EHS Sebab itu lah saya kalau --- jabatan-jabatan daripada jabatan pelancongan macam *tu* [itu] macam dia panggil macam *tu* [itu] lah --- banyak lah datang ke rumah saya.

FA Ok [baik] jauh *gi* [pergi] *dah* [sudah] tu kita pergi semula ke keluarga Pak Chu. Nak [mahu] tanya isteri Pak Chu. Nama isteri Pak Chu latar belakang isteri Pak Chu.

EHS Isteri saya nama dia Ga Mek Lewi. Dia berasal dari kampung ini jugak. Maknanya daripada sini lebih kurang *lima ratus* [500] meter [ukuran jarak] gitu. Macam orang sekampung jugak.

FA Dia *kijo* [kerja] ke?

EHS Dia *kijo* [kerja] sendiri lah. *Kijo* [kerja] tanam sayur. *Kijo* [kerja] bertani lah sebagai petani.

FA Jadi anak Pak Chu ini berapa orang?

EHS Anak *tujuh* [7]. *Dua* [2] perempuan *lima* [5] *laki-laki* [lelaki].

FA Semua sudah bekerja?

EHS Sudah bekerja. Kerja ada yang kerja sendiri ada yang buat kerja dengan kerajaan.

FA Hok [yang] paling tua sekali umur berapa?

EHS Yang paling tua usia dia dilahirkan pada *sembilan belas tujuh puluh sembilan* [1979]. Sekarang ini dia bekerja di Muzium Negara, Kuala Lumpur.

- FA **Adakah Pak Chu mempunyai cucu?**
- EHS Cucu saya ada *empat* [4] orang
- FA **Semua duduk kawasan ini ke?**
- EHS Semua duduk kampung ini lah. Kampung ni ada *dua* [2], lepas *tu* [itu] ada *satu* [1] *Lemal* [kawasan di Kelantan] yang *dua* [2] lagi dekat *Kolumpo* [Kuala Lumpur]. Yang anak yang perempuan yang pakat tua *tu* [itu] dia duduk di *Kolumpo* [Kuala Lumpur]. Yang kata kerja dekat muzium itu lah. Dia sudah beli rumah *kat* [di] sana dia *duk* [tinggal] *kat* [di] sana lah dia cuma dia balik untuk hari-hari raya.
- FA **Saudara mara Pak Chu ada duduk di kampung ini semua ke ada?**
- EHS Saudara-saudara ada lah kebanyakannya duduk di kampung ini.
- FA **Ado ke *hok* [yang] hijrah ke Kuala Lumpur ke?**
- EHS Ada *kijo* [kerja] di Kuala Lumpur.
- FA **Jadi kito nak tanya pasal kerjaya Pak Chu pulak sebagai tok dalang wayang kulit. Jadi sebelum Pak Chu masuk ke dalam bidang wayang kulit ini Pak Chu ada buat kerja lain dulu ke?**
- EHS Sebelum saya bermain wayang kulit ini Cuma saya bekerja sebagai petani *gitu* [begitu].
- FA **Jadi kalau Pak Chu sudi kongsilah anggaran pendapatan masa itu zaman-zaman itu sebagai petani sebelum Pak Chu masuk wayang kulit.**
- EHS Zaman itu kalau kira petani ini lebih kurang puratanya dalam sebulan kita dapat *dalam dua ratus ringgit* [RM 200] *gitu* [begitu] lah.
- FA **Tujuh ratus ringgit [RM700] je [sahaja] lah?**
- EHS *Dua ratus* [200] *je* [sahaja] sebab masa itu dia kos perbelanjaan dia sebab duit kita mahal sikit. Masa itu kita kata harga getah ini lebih kurang *lima puluh sen*

[RM0.50] *sekilo* [satu kilo]. Sekarang sudah sampai *empat ringgit* [RM4]. Masa itu kalau kita dapat *dua ratus* [RM200] macam sekarang ini macam *dua ribu* [RM2000]. Masa dulu barang murah.

FA Jadi berapa lama Pak Chu bekerja sebagai petani ini?

EHS *Kijo* [kerja] petani ini lebih kurang dalam *sepuluh* [10] tahun jugak lah di samping saya buat pertanian itu ada saya main *lah* [longhat Kelatan] wayang kulit.

FA Kira masa itu *start* [mula] dah lah?

EHS Ha *start* [mula] dah masa itu.

FA Mula-mula Pak Chu masuk dalam wayang kulit ni *lagu* [macam] mana?

Berdasarkan minat sendiri ke? Daripada *saing-saing* [rakan-rakan] ke?

EHS Dia wayang kulit ini memang saya berminat daripada kecik lagi. Daripada darjah *tiga* [3] darjah *empat* [4] lagi. Mula-mula itu saya berminat tengok wayang kulit saya balik saya lukis patung mana yang saya minat lah. Macam kita kata *hamuman* [watak wayang kulit] ke macam *ratu* [watak wayang kulit] ke ---. Kemudian masa saya darjah *empat* [4] di Sekolah Kebangsaan Pecah Kelubi saya mendapat masuk bertanding melukis. Iaitu saya mendapat nombor *satu* [1] sebab saya melukis wayang kulit. Semua orang, cikgu-cikgu panggil saya tok dalang sebelum saya main wayang kulit lagi orang sudah *gelar* [panggil] saya tok dalang.

FA Mula-mula Pack Chu tengok wayang kulit ini di mana?

EHS Saya tengok wayang kulit si sekitar ini lah. Sekitar Pasir Parit, Che Kok, Pecah Kelubi, Bukit Panau gitu lah dekat-dekat *jah* [sahaja]. Masa dulu kita jalan kaki *jah* [sahaja].

FA **Time [masa] itu siapa tok dalang hok buat persembahan?**

EHS Masa itu dia panggil Tok Dalang *tu* [itu] Hap Napi Awang daripada Kangkung, kemudian Jaafar daripada Bukit Tukul Rantau Panjang, Mamat Bond daripada Bukit Panau, lepas itu Dolah Baju Merah daripada Kok Lanas ada lagi *satu* [seorang] (sambil berfikir) Hassan Kedai Buluh Bachok *PCB* [Pantai Cahaya Bulan]. *Tu* [itu] lah tok dalang-tok dalang yang saya minat lah yang lain lagi ramai tok dalang *tapi* [tetapi] saya *tak* [tidak] *gi* [pergi] lah kalau dia main pun saya *tak* [tidak] pergi tengok sebab saya *tak* [tidak] minat. *Tak* [tidak] minat cara permainan dia tidak menarik.

FA **Salah satu hok [yang] Pak Chu Minat sekali, hok [yang] mana?**

EHS Saya minat __ Dolah Baju Merah. Sebab itu lah saya pun saya *berguru* [belajar] dengan dia. Saya ikut dia cara *ajar-ajar* [belajar-belajar] dia tunjuk ajar saya macam mana nak main. Macam mana cara-cara, macam mana pantang larang dia. Semua saya *muntut* [menuntut] dengan dia

FA **Maknanya [mulanya] di Kok Lanas?**

EHS Di Kok Lanas la saya *berguru* [belajar] dengan dia.

FA **Pada mula-mula masuk ke dalam wayang kulit ini mudah ke bagi Pak Chu nak [hendak] main? Nak jadi Tok Dalang ini?**

EHS Bagi saya memang mudah. Sebabnya kalau kita tengok daripada kebudayaan lain ke sebab kita bagi saya *ni* [ini] kalau berminat maknanya kita mudah. Sesetengah dia kata *payah* [susah] nak jadi Tok Dalang sebab nak jadi Tok Dalang *ni* [ini] pertama kali kita kena suara kita. Paling-paling suara kita boleh tukar suara kita ke *sepuluh* [10] nada. Paling kurang. Kalau tidak dia sampai ke *dua belas* [12] *tiga belas* [13] nada yang paling penting dia kena ada *sepuluh* [10] nada sebab

dia dalam wayang kulit *ni* [ini] dia ada Dia kata *pengasuh* dia ada *lima* [5], *lima* [5] pengasuh. Yang satu [1] *Pak Dogo*, *Wak Long*, *Wak Yah*, *Samad*, dan *Said* [watak-watak dalam wayang kulit]. Dia *empat* [4] itu sudah *lima* [5] nada *dah* [sudah] suara dia. Sebab dia tak sama. Jadi masuk lagi raja, anak raja, dan masuk lagi penjahat-penjahat *Rattu Jin Boto* [watak dalam wayang kulit]. Masuk lagi apa nama orang darat, masuk lagi dia panggil apa ini Tuan Puteri. Semua itu kita kena belajar. Dia latih suara itu bertahun tahun makan masa. Kita main macam kita pegang patung *ni* [ini] kita cuba kita *sorang* [seorang] lah. Kita cuba *dulu* [dahulu] suara ini macam ini bunyi suara dia. Kita kena latih dulu. Sebab saya ini dah berapa *ore* [orang] da saya ajar untuk sebagai Tok Dalang tapi buat masa ini tak *dok* [tiada] lagi *hok* [yang] boleh.

FA *Hok* [yang] *Pak Cu* latih selama ni?

EHS Ha selama ini ada *empat* [4] *lima* [5] orang *tak leh* [tak boleh] nak buat. Sebabnya cara dia nak buat __ cara dia bertutur kata dia *gapo* [apa] dia tu dia *tak leh* [tak boleh].

FA Nada suara dia itu lah?

EHS Ha ya nada suara itu lah.

FA Jadi *Pak Chu* pulak lama mana untuk kuasai nada masa dia?

EHS Saya dalam *dua* [2] tahun. *Dua* [2] tahun baru kita boleh fasih. Baru kita *tak* [tidak] tukar la dengan patung. Patung ini suara begini. Kalau mula-mula kita tukar jugak. Patung ini suara ini, patung ini suara ini. Ha lama-lama dalam masa *dua* [2] tahun baru kita fasih kita ingat.

FA Ha sebab suara *Pak Dogo* lain, *Wak Yah* lain.

EHS Ha betul-betul sebab dia lain.

FA **Jadi ketika mula-mula Pak Chu buat persembahan, anggaran pendapatan *time* [masa] itu berapa?**

EHS Masa saya mula-mula kena panggil saya buat persembahan dia panggil main di tempat kenduri kahwin, semasa *tu* [itu] dia bagi *empat puluh ringgit* [RM40] satu malam satu persembahan. Kalau kita bandingkan---. Lepas itu lepas *empat puluh ringgit* [RM40] *tu* [itu] dia naik sampai yang kedua *seratus* [RM100]. Kemudian naik *seratus dua puluh* [RM120]. Lepas *tu* [itu] naik *dua ratus* [RM200], naik *tiga ratus* [RM300], *empat ratus* [RM400] sampai sekarang dalam *lima ratus* [RM500] lah.

FA ***Lima ratus* [RM500] lah dalam satu malam. Dalam tahun berapa tu?**

EHS Dalam tahun *dua ribu* [RM2000] lebih kurang dalam *tiga ratus* [RM300] satu malam. Tapi sekarang *ni* [ini] *start* [mula] *dua ribu lapan* [2008] sampai *dua ribu empat belas* [2014] *ni* [ini] maknanya dia dalam *lima ratus* [RM500] ke *enam ratus* [RM600]. Kalau kita main dekat negeri Kelantan. Kalau kita main dekat sebelah luar macam Terengganu kita tengok keadaan jarak jauh dia. Kalau dekat Terengganu saya ambik *tujuh ratus* [RM700] satu malam. Saya _ sebelah *Kuatan* [Pahang] ke sebelah Perlis ___ saya ambik *seribu lima ratus* [RM1500]. Kalau kita *gi* [pergi] paling jauh. Kalau dalam Malaysia ini paling jauh kita katalah Johor Bharu ataupun *kolumpo* [Kuala Lumpur], Pulau Pinang ha itu dia bayaran satu kali main dalam *dua ribu setengah* [RM2500]. Sebab dia kos semua kita tanggung lah macam *transport* [kenderaan]. Cuma dia tanggung untuk penginapan dan makan. Yang lain ___

FA **Apa dia cabaran mula-mula masa Pak Chu masuk dalam wayang kulit ini?**

- EHS** Dia cabaran itu macam kita kata lah macam ibaratnya macam kita bermiaga lah.
- Kadang-kadang kita untung, kadang-kadang kita rugi. Kalau kita untung kita suka, kalau kita rugi kita sedih.
- FA** **Kalau rugi tu macam mana Pak Chu atasi?**
- EHS** Dia rugi *tu* [itu] macam kita kata --- sebab dulu orang main tiket. Dia orang main lagi untuki main tiket untuk derma *ni* [ini] lah. Memungut derma untuk main tiket. Kadang-kadang kita pergi *ni* [ini] satu minggu ini *tak ley* [tidak boleh] nak main dia *huje* [hujan]. Dia *huje* [hujan]. Cuma dia bagi kita makan. Dia *ngoyat* [cakap] kata tunggulah malam esok. Malam esok dah hujan lagi. Tunggu malam lusa hujan lagi. Habis-habis *last* [akhir] malam Jumaat. Malam Jumaat kita kata *tak ley* [tidak boleh] dah. Kena hantar saya balik. Semasa dulu dia *ore* [orang] *mari* [datang] ambik kita dia *mari* [datang] anta kita. Sebab dulu dia tak *dok* [tiada] *transport* [kenderaan] *ni* [ini] *payoh* [susah]. Maknanya kita balik _ _ _ kita balik dengan kesedihan. Sebab dalam seminggu *tu* [itu] boleh *make* [makan] dengan minum sahaja. Kadang-kadang kalau ada tempat yang suka itu kadang-kadang kita pergi main makna dia kemarau cuaca baik. Dia boleh main kalau dia panggil kita *tiga* [3] malam dia akan sambung lagi *tiga* [3] malam. Kemudian dia akan tengok hangat nya penonton ramai, dia akan sambung lagi dalam *tiga* [3] malam, sampai satu tempat _ yang paling banyak *dua puluh lima* [25] malam. Sebab peminat dia tak puas. Dia kata sambung lagi dia kata *sedap* [seronok] cerita ini sambung lagi. Penganjur kita *tu* [itu] kan yang panggil kita *tu* [itu] kan sambung sambung sampai *dua puluh lima* [25] malam.
- FA** **Jadi episod tu dalam *dua puluh lima* [25] malam tu episod lain-lain ke?**
- EHS** Dia dalam *dua puluh lima* [25] malam *tu* [itu] satu [1] cerita je. Sebab dia episod cerita *ni* [ini] dia ada cerita panjang cerita pendek. Dia cerita paling panjang ini

tajuk dia sejarah *Seri Rama* [watak wayang kulit]. Sejarah *Seri Rama* [watak wayang kulit] *tu* [itu] saya pernah main tempat kedai tempat *ore* [orang] jual. Jual macam kata pasar malam la. *Tiap-tiap* [setiap] malam dia jual. Dia buat pentas kat situ dia main. *Tiap-tiap* [setiap] malam. Makna dia bayar dekat kita atas keuntungan dia meniaga. ---. Maknanya kita bawak satu cerita siap boleh sampai *empat puluh tujuh* [47] malam. Cerita *Hikayat Seri Rama* [tajuk wayang kulit]. Sebab *Hikayat Seri Rama* [cerita wayang kulit] *ni* [ini] *panje* [panjang]. Dia *start* [mula] daripada ayah dia lagi, *Seri Rama* [watak wayang kulit]. Kemudian melahirkan *Seri Rama* [watak wayang kulit]. *Seri Rama* [watak wayang kulit] melahirkan lagi anak *Anak Mesu Putih* [watak wayang kulit]. *Anak Mesu Putih* [watak wayang kulit] melahirkan anak dia *Anak Mek Ikan* [watak wayang kulit]. *Anak Mek Ikan* [watak wayang kulit] melahirkan lagi anak *Meh Batu* [watak wayang kulit]. *Lima* [5] generasi. *Hok* [yang] *tu* [itu] dia sebut cerita *ni* [ini] *panje* [panjang].

FA Jadi dalam masa satu [1] malam itu berapa jam Pak Chu buat?

EHS Lebih kurang sejam setengah. Kita main *sajo* [sahaja]. Kita tak masuk lah main muzik main *gapo* [apa] *ni* [ini] kita tak masuk. _____. Cuma kalau kita main satu cerita *direct* [terus] sejam setengah.

FA Jadi kenangan manis pahit masa Pak Chu buat persembahan?

EHS Kenangan manis macam saya kata *jap* [kejap] tadi lah, kadang-kadang *kito* [kita] main *ni* [ini] *dio* [dia] tengok keadaan kalau penonton *tu* [itu] berminat akan di sambung. Kadang-kadang _____. Kadang-kadang dia bayar lebih daripada yang dijanjikan. Kadang- kadang saya bagi awak *empat puluh ringgit* [RM40] lah main masa itu, dia kata kata beginilah sebab *awok* [awak] main pun saya berniaga

untung *gini* [begini] orang pun minat _ _ _ orang ramai _ _ saya bayar *enam puluh* [RM60]. Maknanya kelebihan dia kata.

FA Boleh untung lah?

EHS Makna kalau macam apa *ni* [ini] *panjak-panjak* [pemain muzik] kita ini lah *awok-awok* [pembantu Tok Dalang] kita *ni* [ini] selalu kita gaji dia dalam *empat ringgit* [RM 4] kemudian kita boleh gaji dia sampai *enam ringgit* [RM6]. Ha begitulah.

FA Masa Pak Chu buat persembahan, pengalaman yang Pak Chu boleh ingat sampai bila-bila. Di mana tempat buat persembahan itu?

EHS Buat persembahan *ni* [ini] yang paling saya --- suka ataupun duka?

FA Suka lah makna kata.

EHS Yang paling suka saya main kat *Kolumpo* [Kuala Lumpur]. Pertama kali makna *first time* [pertama kali] saya *gi* [pergi] main dekat *Kolumpo* [Kuala Lumpur] itu dia dekat sana dia main pukol *tujuh* [7] dah dia *start* [mula], *tujuh* [7] petang. *Tujuh* [7] petang dia main- main sampai pukol *lapan* [8]. Ha dia kata *stop* [berhenti]. Tutup. Sebab esok orang nak *kijo* [kerja]. Lepas *tu* [itu] saya rasa kita main pukol *tujuh* [7], pukol *lapan* [8] *da* [sudah] habis, biasa kita main *tiga* [3] jam. *Ni* [ini] berapa dia nak bagi saya *ni* [ini]. Dia bagi saya *dua ribu* [RM2000], *dua ribu* [RM2000], *satu* [1] malam. Makna kita main *tiga* [3] malam dia bagi kita *enam ribu* [6000]. Kita main cuma kadang-kadang satu tempat itu kita main *lima* [5] minit masa. Dia bagi *tiga ribu* [RM3000]. *Kejap* [sekejap] *je* [sahaja], kita main kat *PWTC* [Putra World Trade Center], kita main dekat *Jalan Chow Kit, Petaling Street* [Lokasi di Kuala Lumpur]. Main dekat sana kan maknaya dia main kita panggil wayang *ngepeng* [iklan]. Makna macam kita kata *ni* [ini] la *ngepeng* [iklan], *ngepeng* [iklan] ha iklan. Maknanya masa *tu* [itu] dia ada skrip

dah. Ha *ni* [ini] ---. Lebih *kure* [kurang] orang kata paling-paling panjang pun *empat* [4] minit.

FA Makna dia buat *da* [sudah] la? Kita baca skrip dia buat lah?

EHS Sebab dia wayang kulit ini dia macam-macam lah benda yang sepanjang masa kita main itu dia ada yang kadang-kadang di tempat ramai orang cina. Ramai orang cina lah. Dia suruh kita main cakap Bahasa Cina.

FA Dalam Bahasa Cina wayang kulit?

EHS Ha Bahasa cina. Makna kita kena *translate* [terjemah] dalam Bahasa Cina.

FA Mudah ke?

EHS Tidak *payah* [susah] sebabnya, kalau kita kata orang *Kolumpo* [Kuala Lumpur] *ni* [ini] apa yang yang dia minat, orang cina *ni* [ini] apa yang dia minat. Kita main kira semenanjung Malaysia *ye dok* [iya kan]? Makna dia tengok kira tempat, kalau ramainya penonton *tu* [itu] cina kita banyakkan dialog dalam Bahasa Cina, macam *just* [hanya] satu tempat *tu* [itu] yang kawasan India, mesti kita kena belajar dahulu india *ni* [ini]. Ayat-ayat yang mana yang lucu lah untuk dia suka lah. Dia ambik sikit-sikit *tu* [itu] kena belajar. Macam juga kita main tempat *siam* [Thailand], ha *siam* [Thailand] *ni* [ini] memang biasalah dengan kita, duduk kampung *ni* [ini] Bahasa *siam* [Thailand] *ni* [ini] memang sokmo [selalu] dah.

FA Ketika Pak Chu buat persembahan ni bagaimana persepsi orang ramai terhadap Pak Chu?

EHS Sebabnya saya main wayang kulit *ni* [ini] orang kata sebab kita campur, kita tidak kata main wayang kulit betul kadang *straight* [terus], wayang kulit betul bukan. Tapi kita main ini kita kena *lapor* [kaji], tengok keadaan semasa. Dan *jugok* [juga] keadaan penonton. Kalau penonton sini dia banyak generasi muda-muda, kalau generasi muda-muda *ni* [ini] kebanyakannya dia minat kepada lawak

jenaka, dan jugak nyanyi lagu-lagu dangdut (ketawa). Kita adakan menyanyikan lagu dangdut, kita nyanyi lagu dikir barat, nyanyi lagu Hindustan, kalau tempat-tempat *ore* [orang] *siam* [Thailand] kita nyanyi lagu *siam* [Thailand]. Kalau tempat ramai orang cina kita nyanyi lagu cina. Ha macam gitulah. Sebab kita kena tengok keadaan penonton. Kita bila kita sampai *tu* [itu] kita kena tanya dulu, sini keadaan di sini peratus dia berapa, berapa ramai orang melayu, orang cina penonton yang minat wayang kulit *ni* [ini] berapa peratus. Makna kita boleh agak.

FA Persepsi mula-mula masuk dalam wayang kulit ni. Persepsi keluarga Pak Chu sendiri?

EHS Dia keluarga saya *ni* [ini] semua dia memang dia secara kebetulan dengan kita minat kebetulan orang tua kita dengan keluarga kita berminat jugak. Apa yang *tak* [tidak] cukup alat dia kata? Nak beli *geduk* [gendang], *geduk* [gendang] sudah pecah, kos perbelanjaan berapa? Dalam *dua ratus* [RM200], ha ok saya keluar duit saya dahulu. Kemudian main-main dapat duit awak bayar balik. Maknanya kita tidak menjadikan masalah sebabnya keluarga kita pun memang dia berminat dari segi kebudayaan.

FA Daripada komuniti sendiri, orang kampung sendiri, bagaimana dia anggap Pak Chu jadi Tok Dalang? Ada yang *cemuh* [mara] ke?

EHS *Dok* [tidak] *dok* [tidak] *dok* [tidak], dia memang suka lah. Dia memang semua suka, kita tengok maknanya semuanya berminat. Dia kata, patutlah awak jadi tok dalang sebab kampung Pasir Parit *ni* [ini] *tak dok* [tiada] tok dalang. Dia kita ada tok dalang *sore* [seorang], terutama sekali awak *ni* [ini] pulak lain daripada yang lain awak *ni* [ini] Cina. Jika nak dibandingkan dalam Malaysia ini, bukan dalam *kelate* [Kelantan] ini *saje* [sahaja], dalam Malaysia *ni* [ini] awak *sore* [seorang]

saja Cina. Ha sebab itu lah. Ramai yang memberikan galakan sokongan, maka kita pun naik semangat boleh main sampai ke hari ini.

FA **Jadi bertambah orang kata, ok daripada penggiat seni, tok dalang-tok dalang wayang kulit lain bagaimana persepsi daripada puak-puak dia? Ada hok [yang] kata akan merosakkan wayang kulit ini ke tak dok [tiada] ke?**

EHS *Tak dok [tiada]* sebab dia setengah-setengah dari *tok dale* [tok dalang] *ni* [ini] kita kata dia main *straight* [lurus] kita kato *straight* [lurus] lah sebelah Tumpat dia *ado* [ada] ramai tok dalang. Sebelah dia panggil pulau *Mok Rat, Wakaf Baru, Padang Embong* [tempat di Kelantan], dia *ado* [ada] (berfikir) ramai lagi lah. Ada *empat* [4] *lima* [5] tok dalang situ, dia kalau dari segi penonton kita tengok sebab kita main *ni* [ini] dia *ado* [ada] *TIC* [lesen persembahan] dia panggil *gi* [pergi] main di Kota Bharu dekat gelanggang seni *tu* [itu] sebabnya dia tengok keadaan corak permainan. Oh siapa *dio* [dia] yang ramai sekali? Di hantar *ore* [orang] dia lah. Dia tengok, _____ sapa paling ramai. Maknanya tok dalang lain lagi tidak seramai yang kita main. Maknanya kalau tok dalang dalang lain ada dalam *lima belas* [15] orang, mungkin kalau kita main ada dalam *lima puluh* [50]. Tok dalang lain main ada lebih kurang *dua puluh* [20] *ore* [orang], kita main mungkin ada *seratus* [100], maka kita pun masa *tu* [itu] Menteri Besar dia panggil saya, dan dia beri *istirah* [darjat] dia beri pingat kepada saya. Makna dia kata awak *ni* [ini] Tok Dalang yang *tersohor* [terkemuka].

FA **Sebab dia kata ramai orang minat kepada Pok Chu?**

EHS Sebab biasanya di gelanggang seni kan, dia ada *tiga belas* [13] tok dalang main di situ. Buat *gilir* [giliran] tiap-tiap minggu lah, jadi sampai masa *gilir* [giliran] saya *ni* [ini] orang penuh.

- FA** **Dia buat macam bertanding ke bagaimana?**
- EHS Bukan bertanding maknanya dia kerajaan dia nak tengok *jugok* [juga]. *Hok* [yang] mana *hok* [yang] orang ramai. Maknanya dia tanya saya sebab apa dia kata *awok* [awak] *ni* [ini] bila *ore* [orang] tahu *gilir* [giliran] awak orang ramai. Sebabnya kita main wayang antarabangsa. Kita main Bahasa melayu ada bahasa cina pah [selepas] itu kita ada pulak lagu nyanyian lagu-lagu pop, lagu-lagu dangdut, lagu Hindustan, lagu *siam* [Thailand] semua kita campur aduk. Kadang-kadang kita main puteri *dale* [dalam] *tu* [itu]. Kadang-kadang kita main mak yong dekat wayang kulit *tu* [itu]. Maknanya semua penonton *ni* [ini] dia boleh tengok semua. Ha makna bila dia *gi* [pergi] tengok wayang kulit tu dia ada mak yong *ore* [orang] kata. Tengok wayang kulit *tu* [itu] dia ada puteri, kita masuk semua *dale* [dalam] tu.
- FA** **Kira gabung sekali?**
- EHS Ha gabung sekali.
- FA** **Dari segi watak patung itu kan? *Wak Dogo* [watak wayang kulit], **Pak Chu** buat sendiri ke benda-benda tu?**
- EHS Ha saya buat sendiri.
- FA** **Pak chu buat sendiri?**
- EHS Ha *dulu* [dahulu] saya buat sendiri, lepas kita tengok, daripada orang jemput, sebelah luar patung-patung *ni* [ini] *dop comey* [tak comel] la. Perbuatan kita *ni* [ini] *dop comey* [tak comel], kita buat secara ringkas, lepas itu kita tempah daripada Wakaf Baru, dia satu patung *tu* [itu] paling murah dia *seratus* [RM100]. Maknanya *hok* [yang] remeh temeh *ni* [ini] la. Kalau *hok* [yang] *comey* [comel], dia ada dalam *empat ratus* [RM400], satu patung. Ha kita tempah dengan dia lah. Tiap-tiap *bule* [bulan] tempah dengan dia, nak patung *ni* [ini] kita tempah, patung

ni [ini]. *Hok* [yang] patung *ni* [ini] kita lukis, kita lukis corak dia *tu* [itu], Cuma dia *netas* [ukir] buat je.

FA Ha kira Pok Chu ambik upah orang lah buatnya. Pok chu lukis je. Kos untuk Pok Chu upah dia berapa?

EHS Dia tengok keadaan patung *tu* [itu]. Tengok corak dia. Corak yang paling mahal *empat ratus setengah* [RM450]. Yang paling murah *seratus* [RM100].

FA Serupo [sama] mudah-mudah hok [yang] tak dok [tiada] warna serupo [sama] Pak Dogo ?

EHS Ha *hok* [yang] *tu* [itu] paling murah *seratus* [RM100].

FA Bahan-bahan untuk buat benda itu gapo [apa] dia? Kulit ke?

EHS Dia mula-mula dia gunakan kertas. Dia kertas kita lukis tempat kertas kira kertas putih bersih, dia nipis. Kita lukis corak dia, bunga dia, macam mana kita nak *pattern* [corak] dia. Lepas kita ambik kertas *tu* [itu] kita letak atas kulit lembu yang sudah dikering. Kita buang dia punya bulu, kita tampal dengan getah ataupun gam, tampal-tampal *gitu* [begitu] kemudian kita tebuk. *Tebuk* [buat lubang] *tu* [itu] kita kena tengok lah, paku dia corak dia *tu* [itu], dari corak tiga segi ke, corak wau ke, corak v ke, corak u ke, corak o ke, makna kita buat dengan paku. Lepas *ni* [ini] kita lukis bulat, lepas *ni* [ini] u, lepas ni v. lepas kita buat begitu, lepas *tu* [itu] lepas kita buat *suma* [semua], *tebuk* [buat lubang] siap kita buanglah kertas itu. Lepas kita buang, kita cat, cat ambik buluh, kita *kapit* [lekat] dengan buluh apa pun, tangan dia ke siap *gitu* [begitu]. Kalau kita nak dia *tahe* [tahan] lagi, nak bagi cerah lagi, kita pakai *brinish* [jenis cat], baru dia naik cahaya dan dia tidak kulat.

- FA** **Berapa lama masa tahan patung itu?**
- EHS Patung *tu* [itu] lebih kurang sepuluh tahun tahan. Sepuluh tahun *tu* [itu] kalau kita jaga macam ada *ore* [orang] tidak *maju* [aktif] mana kan, *duk* [simpan] dalam tong, kadang-kadang *empat* [4] *lima* [5] tahun orang tak panggil *duk* [simpan] dalam tong *tu* [itu], kalau dia buka habis hancur.
- FA** **Ha sebab dia tak guna.**
- EHS Kalau kita macam tiap-tiap hari. Kita main sokmo [selalu], _ _ _ maknanya benda tahan.
- FA** **Watak *gapo* [apa] *hok* [yang] paling penting dalam wayang kulit?**
- EHS Dia watak yang paling penting kalau dalam wayang kulit *ni* [ini], dia *Seri Rama* dengan *Laksamana*. Dia anak dia *Hanuman Sarung Putih* [watak wayang kulit], *Permaisuri* dia, *Permaisuri Seri Dewi* [watak wayang kulit]. Lepas *tu* [itu] pengasuh dia yang kata lima [5] *tu* [itu] la. *Pak Dago*, *Wak Long*, *Wak Yah*, *Samad*, *Said* [watak wayang kulit]. Tapi sebelah *hiliran* [bandar] lah, sebelah *hiliran* [bandar] macam kita *ni* [ini] lah. Dia sebelah Tumpat *ni* [ini] macam dia tak guna. Dia guna *Pak Dago*, *Wak Long* [watak wayang kulit]. Ha sebab *tu* [itu] lah orang *nonton* [tengok] dia rasa tak minat mana lah. Dia tengok *Pak Dago*, *Wak Long* [watak wayang kulit] dia *tak dok* [tiada] lawak jenaka mana lah, sebab sebelah kita *ni* [ini] dia buat, kita buat tambah lagi *tiga* [3] *ni* [ini] tambah *Wak Yah*, *Samad* dan *Said* [watak wayang kulit]. Jadi *hok* [yang] *tiga* [3] *empat* [4] orang *ni* [ini] yang tambah jadikan lucu *ni* [ini]. Cerita jalan cerita dia sama ja. Cuma kelebihan kita atas lawak jenaka.
- FA** **Dalam siri cerita episod itu, banyak kah Pak Chu persembahkan? Pak chu buat sendiri ke?**
- EHS Cerita kebanyakan saya buat sendiri.

- FA** **Hok [yang] daripada tok guru Pak Chu, ada Pak Chu persembahkan?**
- EHS** Ada, dia tok guru --- sebab dia tok guru kita, dia beri kita jugak cerita, kita ada tulis jugak cerita dia, kita tengok dia main *tu* [itu] malam *ni* [ini] kita tulis sekerat. Malam esok kita tengok lagi kita tulis. Tapi la *ni* [ini] kena buat cerita sendiri.
- FA** **Kira buat sendiri cerita itu?**
- EHS** Ha cerita kita buat sendiri, sebab cerita *tu* [itu] kita buat sendiri kita tengok keadaan semasa. Macam mana suasana sekarang *ni* [ini], berlaku *gini-gini* [begini] _____. Apa kerajaan marah, apa kerajaan suruh. Macam *dok* [tak]? Maknanya kita boleh buat benda *ni* [ini]. Sebab dia kita boleh main semua, kalau kira dari segi parti ye dok? Orang parti pas panggil kita pergi main, kita boleh main, main cara dia sebab apa, kita main ikut cara dia, kita tak baleh main ikut pembangkang dia. Kalau kita main parti barisan *ni* [ini] kita main cara dia. Bukan kita nak *nentang* [gaduh] kan pas dan pembangkang cuma kita main *tu* [itu] ikut cara dia.
- FA** **Cerita apakah yang sering Pak Chu persembahkan?**
- EHS** Cerita *ni* [ini] *memey* [memang] banyak la cerita dia. *Hok* [yang] saya belajar dengan tok guru saya. *Sejarah Seri Rama* [nama cerita wayang kulit], yang kedua, *Parbuk Anum Guru Pati Tamok Di Cano* [nama cerita wayang kulit]. Yang ketiga *Seri Petalo Pakramok Indro* [nama cerita wayang kulit] yang keempat, cerita *Seri Maharaja Hanume Tegiling* [nama cerita wayang kulit] yang kelima sejarah *Laksamana Kahwin* [nama cerita wayang kulit]. Sebenarnya laksamana-laksamana *ni* [ini] *ore* [orang] panggil dia *buje* [bujang] laksamana sebab dia orang *tok* [tak] kahwin. Tapi *dale* [dalam] cerita *ni* [ini] ada dia dapat anak *gapo* [apa] dan dia kahwin. Mungkin dalam keadaan mimpi apa lah. *Ho* [ya], *pahtu* [selepas itu] dia

ada banyak lagi lah cerita *Hanume Behantu*, *Anok Kero Beligho Sakti*, *Aman Putih Rajo Kero* [nama cerita wayang kulit], banyak lagi cerita *hok* [yang] kita belajar dengan guru kita. Yang kita buat cerita sendiri *ni* [ini] (sambil berfikir) kita buat lah *jale* [jalan] tajuk cerita dia macam cerita-cerita drama *gapo* [apa]. *Pasal* [sebab] panggil cerita pendek dia panggil, cerita ringkas. *Ho*, [ya] *hok* [yang] *tu* [itu] kita buat persembahan di tempat-tempat macamnya kita kata masa setengah *je* [jam] ke, dalam masa sejam ke, maknanya cerita *tu* [itu] kita kena buat sampai habis. Macam dalam drama, dimana mula-mula dia *temu* [bermula] *gini* [begini], dan dia habis sini. Maknanya orang tengok pun makna cerita tidak bersambung.

Macam kita bawa cerita *hok* [yang] ini cerita bersambung orang panggil cerita bersiri. Malam *ni* [ini] kita bawa setakat ini, *sakat* [sehiingga] *Hanume Kero Putih* [watak wayang kulit] *ni* [ini] *nak* [hendak] *gi* [pergi] jumpa dengan *Ratu Sanggora Api* [watak wayang kulit] *ni* [ini], *pade* [cukup] *sakat* [setakat] *ni* [ini] pukul *dua belas* [12]. Dia sambung *pulok* [pula] malam esok *Hanume Kero Putih* [watak wayang kulit] *ni* [ini] *gi* [pergi] jumpa dengan *ratu sanggora api* [watak wayang kulit], dia *lawe* [lawan], dia *wak gaduhae* [buat pergaduhan] dia *baloh* [bergaduh] *gitu* [begitu] dia jatuh *dale* [dalam] laut pula dia habis pula situ. Masuk pula timbul pula anak-anak dia *ni* [ini] pula *hok* [yang] dalam laut jumpa dengan ayah dia “*mung guano ore kuat kayo*” [kamu orang kuat orang kaya] [dialog dalam wayang kulit] (berfikir) dia jadi *tiga* [3] malam. *Ho*, [ya] dia macam orang panggil cerita bersambung. Kita kena bowok [bawa] kalu kita main setempat ke, macam kita main di gelanggang seni. *Situ* [di situ] cerita dia untuk *dua* [2] jam *jah* [saja]. Kita kena bawa satu cerita *jah* [saja] dalam dua [2] jam untuk habis selalu. *Tok* [tidak] habis pun kena *jadi* [habiskan], bila kita buat cerita *tok* [tidak] habis orang tengok penonton tersakut. *Ho* [ya], dia balik *mace mano* [macam mana] dia kata “*oh cerita*

tu tok habis-habis xleh la kita [dialog penonton] - - -” jadi *susoh* [susah]. *Kade-kade* [kadang-kadang] ada setengah *tu* [itu] dia telefon kita. Kita balik *sapa* [sampai] di rumah. “*Ehh, cerita lagu mano suk akhir dia. Demo keno ghoyak habis ni, tidak kawe tido tok jenegho nih.* (Ketawa) *dok.ho, keno ghoyak. Hanume sakni dia last mano.* *Pahtu Pok Dogol tu apo jadi, dia keno hambah halau ko rajo, ko rajo panggil kelik ko dok lagu mano* [dialog antara penonton dan Pak Chu]. *Pahtu* [selepas itu] kita cerita la *gini gini* [begini]. “*Ha, tu baru boleh tidur dia kato*” [dialog antara penonton dan Pak chu]” *dok* [kan] (ketawa), *ha* [ya], dia tidak boleh tidur dia *sakut doh* [sangkut dah]. Sebab itu dia kena bawa cerita *ni* [ini] kita tidak boleh sangkut. Kalau terutama kalau kita main cerita *tu* [itu] jauh lah, kita main gua musang ke, main terengganu ke, kalau kita main *empat* [4] *male* [malam] ke, *lima* [5] *male* [malam] ke cerita kita kena habis. Walaupun lewat masa, biasanya kita main *sakat* [setakat] *dua belas* [12] habis. Biasa kadang-kadang kita *boleh* [boleh] habis sampai pukul *tiga* [3] pagi. Untuk menghabiskan cerita, *kalu* [kalau] tidak habis cerita *style* [jenis] orang Terengganu *ni* [ini] dia marah.*ho* [ya] dia marah. Tidak berhenti. Dia kata sambung lagi *tokleh* [tidak boleh] tidak habis cerita *ni* [ini], sambung cerita *ni* [ini]. Bila kita tahu dah *puok-puok* [kumpulan] dia ini dia angin *lagu* [macam] *tu* [itu]. *Semula* [lain kali] pula *perabih* [habiskan] cerita. Kena *perabih* [habiskan] selalu, dia orang Terengganu dia tidak boleh.

FA

Kena *perabih* [habiskan] juga?

EHS

Kena habis. Pukul *tiga* [3] pagi *tu* [itu] kebanyakkan la nak *perabih* [habiskan]. Kadang-kadang kita *shortcut* [potong]. *Ha, [ya]* dia boleh *shortcut* [potong] benda *tu* [itu]. *Shortcut* [potong]. Dia benda *ni* [ini] kita *boleh* [boleh] memendekkan. Macam kita kata dalam cerita ini dia ada *tiga* [3] raja ataupun *tiga* [3] penjahat, kita ambil *satu* [1] saja. *Dua* [2] *ni* [ini] kita jangan timbul dia. *dok,*

[tidak] jangan timbul dia, maknanya cerita *ni* [ini] jadi pendek la. *Doh* [dah] kita nak main berapa malam *ni* [ini]? Kita main *empat* [4] malam, kita buat kajian dah *empat* [4] malam ini raja ini boleh *tubik* [keluar] berapa orang. Kalau *tubik* [keluar] *tiga* [3] *ni* [ini] *dia tok de ni* [tidak sempat ni], *tiga* [3] ini kena pergi ke *lima* [5] malam *ni* [ini]. Ok kita ambil *dua* [2] ataupun *satu* [1] saja, habis. Tidak tahu lah, pasal orang tidak tahu cerita ini, tidak kata “Oh, raja *tu* [itu] guano tok tubik” [dialog penonton] orang tidak tanya sebab dia tidak tahu. Lepas itu, cerita *ni* [ini] orang tidak tengok-tengok. *Ha, gitu* [ya, begitu].

FA Cerita atau episod apa yang paling mendapat sambutan?

EHS Ya, episod yang paling maknanya orang minat buat masa *loni* [sekarang], dia cerita *Anok Kera Beligho Sakti* [tajuk episod wayang kulit] sebab saya main *last* [akhir] semalam lah, saya main di Tanah Merah, *tiga* [3] malam. Pasal dia cerita ini orang penonton *ni* [ini] *mugo* [sebab] dalam Kelantan ini tidak luas mana, kebanyakan kita main semalam di Tanah Merah, cerita “Anok Kera Beligho Sakti” sebab orang minat dengan jalan cerita dia, cerita itu pun sebenarnya cerita kita buat *jah* [saja], cerita kita reka kita buat sendiri. Lepas itu kita main pula kita kata kita pergi main Machang makna orang tidak jauh mana dengan Tanah Merah dengan Machang *dok* [kan]? Dia kata bawa cerita baru *ni* [ini], sedap dia kata *dok* [kan], kita bawa cerita itu *pulok* [pula].

FA Dia nak tengok yang sama?

EHS *Ho* [ya], kadang-kadang kita pergi main pula kita kata sebelah Kota Bharu ke sebelah Wakaf Che Yeh ke. “*Eh, kawe tengk baru ni demo main Machang baru ni sedak cerita anok kero. Boleh-boleh buat lagi ko?*”[Penonton tanya Pak Chu]. Kita

kata boleh. Kita main lagi, sebab orang berminat, dia ada suka ada duka dia ada kisah *gini* [begini] kisah-kisah raja *ni* [ini] (berfikir) *hambak* [kejar] anak dia sebab *toksey* [tidak mahu] *paka* [terima] menantu ini. Apa dengan sebab-sebab kita kata menantu *ni* [ini] dia sebab dia *baloh* [bergaduh] dulu, ayah sama ayah *baloh* [bergaduh], anak-anak *gewe* [bercinta] *dua* [2] *ni* [ini] dia tidak benar anak dia bersama, kalau *demo* [engkau] nak anak dia nikah dengan dia ini _____. Makna dia ada dalam cerita itu berunsur-unsur sebagai kata nasihat. Nasihat kepada orang itu jangan bergaduh jangan ada perkauman, *dok*, [kan], kita bersatu tidak kira apa bangsa, sebab dia termasuk semua dalam cerita *tu* [itu]. Makna orang tengok orang tertarik.

FA **Sedap tengok orang kata, tidak puas?**

EHS *Ho* [ya], orang tidak puas tengok. Orang kata “*oh keno lagu weh dia ni main*” maknanya cerita *ni* [ini] dia tidak”---”. So, [satu] kita jangan sentuh peribadi orang. Peribadi orang kita kena beringat, kita jangan sentuh, tidak boleh sentuh, macam kita jangan sentuhlah, ada setempat *tu* [itu] kalau nak pergi main di kawasan Temangan. Temangan *tu* [itu] dia ada orang darat dia panggil orang daratlah maknanya orang yang kita kira kalu jenis berlakon, pelakon tambahan *dok* [kan]. Dia kata di sini *demo* [kamu] jangan buat *kecek* [cakap] gagap dia kata. Sebab dalam *tu* [itu] kita buat macam-macam *kecek* [cakap] gagap orang *kecek* [cakap] suara terik, orang *kecek* [cakap] macam-macam suara kita boleh buat *dok* [kan]. Jadi, sini *demo* [kamu] jangan buat *kecek* [cakap] gagap, sebab di sini ada orang *kecek* [cakap] gagap jenis yang *bekeng terlajok* [garang sangat]. “Kato guano?” [Pak Chu tanya] “Oh, baru *ni* [ini] dia kato nok katok __” [orang kampong jawab]. *Ha*, [ya] maknanya kalau *demo* [kamu] kata gitu kita tahu. Kena beringat-beringat.

FA **Maknanya jangan kato [sindir] dia la?**

- EHS *Ho, [ya] jangan nganying [sindir] ke dia la, dia minat wayang kulit. Dia orang takdok [tiada] lagi dia pergi dah [sudah], duduk depan panggung duduk congok [cankung], pahtu [selepas itu] kita buat gagap gak [pula], dia tidak selesa.*
- FA **Satu-satu persembahan itu berapa lama Pak Chu berlatih?**
- EHS Eh, dia tak perlu berlatih. Sebab semua *ni* [ini] spontan saja dia mari. Sebab dia kalau kita kata kita pergi main satu tempat, kita sampai dalam pukul *tujuh* [7] malam. Kita pasang-pasang siap layar apa *gotu goni* [alat-alat]. Sampai la *tuan kerja* [pihak penganjur]. “*Ha, male ni kawe nok suruh demo bowok cerita waye gerenok*” [pihak penganjur]. Kita kena bawa. Maknanya dia dalam otak kita *ni* [ini] ada berbelas-belas cerita *doh* [sudah]. (Ketawa). *Ha* [ya], kita kata tidak boleh bawa la cerita wayang *geremuk* [tajuk cerita wayang kulit]. Kita tidak berapa ingat lama *doh*. Kita kena *kelik* [balik] tengok *book* [buku]. *Ha, [ya] takdok* [tidak ada] kita pakat *gruk gruk* [main spontan]. Sebab dalam kepala otak kita ini kita siap simpan *doh* [sudah]. *Lagu tu* [macam itu].
- FA **Kedudukan alat mainan semasa persembahan?**
- EHS *Ho, [ya] dia ada kedudukan tertentu. Dia tempat dia. Kalau kata *gong* [alat muzik] di sini, *penombok* [alat muzik] *duk* [letak] sini, *geduk* [alat muzik] dia *duk* [letak] sini. *Canai* [alat muzik] dia *duk* [letak] sini, *serunai* [alat muzik] dia *duk* [letak] sini. Dia tidak boleh, *serunai* [alat muzik] tidak boleh *duk* [letak] *alek sano* [tempat lain], dia tidak boleh. Macam jugak patung-patung dia *tu* [itu]. Patung-patung kita tengok kalau sebelah kanan, dia kalau pergi tengok mana-mana kalau *duk* [letak] sebelah kanan. Batang pisang *gini* [begini], *dok* [kan]. Sebelah sini dia ada patung, sebelah sini ada patung. Yang sebelah *ini* [kanan] dia panggil watak baik, sebelah *ini* [kiri] watak jahat. Dia tidak boleh campur. Macam kita main jugak. Kalau kita main bila dia nak *tembung* [bertemu] *dua* [2] ini. *Hok ni tokleh gi duk alik ni* [yang*

ini tidak boleh letak sebelah ini], *hok ni takleh gi alik nuh* [yang ini tidak boleh letak sebelah sana]. Kalau orang tengok dia kata *tok dale* [tok dalang] tidak pandai, sumbang. *Lagu mano* [macam mana] yang baik duduk sebelah jahat, makna kita kena beringat *so [1] tu* [itu]. Tok guru kita pesan. Wayang bila awak main kena beringat jangan tukar tempat duduk dia. Kalau yang kiri duduk sebelah kiri *jah* [saja]. Kalu sebelah kanan duduk sebelah kanan. Jangan kanan duduk kiri, kiri duduk kanan. Penonton tengok pun tahu, Tok dalang ni tidak belajar *takdok* [tiada] guru *gomo panda gitu tu* [main letak macam itu saja]. Dia pantang larang, dia pantang larang wayang kulit.

FA Adakah pernah berlaku masalah ketika membuat persembahan?

EHS *Ha* [ya], dia ada macam kita kata cacat, dia tersasul, dia ada jugak. Maknanya kalau kita tersasul makna kita boleh apa orang kata boleh *cover* [atasi] balik, kita kena cari jalan nak *cover* [atasi] balik.

FA Bagaimana Pak Chu mengatasi cacat cela ataupun masalah ketika membuat persembahan? Seperti lupa dialog ataupun tersilap dialog?

EHS Macam kita kata la *dok* [kan], macam kita kata apa *ni* [ini], contohlah ada *saeng-saeng* [kawan-kawan] pergi main di Terengganu, dalam ayat dia *tu* [itu] loghat Terengganu *ni* [ini] dia banyak “gong”. Kampung dia banyak gong. Ada *Gong Kedak Gong Badak, Gong Colek, Gong Ubi Keeling*, [lokasi di Terengganu] ada banyak. Pasal *saeng* [kawan] saya *ni* [ini] pergi main wayang *ni* [ini] tidak tahu, dia kata Terengganu *ni* [ini] ramai gong dia kata, dia kata gong, gong ni makna nya gila, makna dia tidak *imbas* [ualng] balik, sepatutnya dia *imbas* [ulang] balik sebut gong kedak gong badak, maknanya orang Terengganu tidak salah faham dan tidak marah. Maknanya kalau kita salah kita kena cari penyelesaiannya selalu.

FA	Bagaimana untuk mengekalkan keaslian dan kelainan suara watak-watak wayang kulit? Petua yang Pak Chu amalkan?
EHS	<p>Petua <i>ni</i> [ini] macam malam kita nak main <i>ni</i> [ini], makan tu kita kena itu sikitlah macam kita kata kita kena banyak minum air panas, <i>tokleh</i> [tidak boleh] minum air batu, <i>pahtu</i> [selepas tu] kita tidak tidak boleh nak makan benda-benda <i>hok</i> [yang] manis, macam buah timun ke epal sebab suara kita <i>tu</i> [itu] dia <i>tokleh</i> [tidak boleh], dia terjejas, macam juga kita tidur, nak main wayang malam kita tidak boleh tidur waktu petang, bila kita bangun dari tidur <i>tu</i> [itu], bila kata kita tidur pukul <i>dua</i> [2] kita sedar lah pukul <i>empat</i> [4] ataupun pukul <i>lima</i> [5] nak main wayang malam itu, suara <i>tu</i> [itu] paling-paling tidak pun dia kena ada <i>enam</i> [6] jam, <i>enam</i> [6] jam jarak dari kita bangun <i>tu</i> [itu], kita nak main wayang kena ada <i>enam</i> [6] jam kalau <i>empat</i> [4] jam <i>lima</i> [5] jam kita <i>tokleh</i> [tidak boleh] nak kawal suara, dia tidak <i>tubik</i> [keluar] suara dia jadi <i>serok</i> [garau]. Serupa kita bangun pagi ke_ _ _ _, esok pukul <i>sembilan</i> [9] nak dikir barat di Kota Bharu <i>alik</i> [sebelah] pagi, suara dia <i>ni</i> [ini], sebab kita bangun pukul <i>tujuh</i> [7] nak <i>gi</i> [pergi] dikir barat pukul <i>lapan</i> [8] <i>tokdey</i> [tidak sempat] <i>ni</i> [ini]. Kita kena bangun pukul <i>empat</i> [4] pagi lagi. <i>Make</i> [minum] air teh panas, baru sempat <i>cover</i> [jaga] suara kita <i>tu</i> [itu]. Suara kita kena jaga sebab dia tidak boleh sebab kita main dikir barat dia penting pada suara. Tidak kata dia penting pada kekuatan tenaga <i>tu</i> [itu], suara <i>tu</i> [itu] penting.</p>
FA	Selain daripada Tok Dalang, adakah Pak Chu bermain alat muzik?
EHS	<p>Main, pasal mula-mula saya dulu saya nak jadi tok dalang wayang kulit saya belajar muzik dulu, kita ikut tok dalang, kita main muzik, mula-mula kita main <i>canang</i> [alat muzik], kalau kita kira benda yang paling mudah, <i>canang</i> [alat muzik]. Kita naik ke <i>gedungbak</i> [alat muzik], <i>pahtu</i> [selepas itu] naik ke <i>geduk</i> [alat muzik],</p>

naik ke *gong* [alat muzik] *pahtu* [selepas itu] *gendang* [alat muzik]. Semua kita rasa kita boleh main *doh* [sudah]. Sebelum kita belajar nak jadi tok dalang.

FA

Kena belajar alat muzik dahulu sebelum jadi tok dalang?

EHS

Sebab dia tiap-tiap kita nak jadi tok dalang, kita kena pandai main alat muzik dahulu, kalau kita *tidak* [tidak] pandai main alat muzik, kita nak tegur *puok-puok* [kumpulan] *awok* [tukang muzik] kita tidak boleh, sebab kalau kita tegur *demo* [dia] kata kita tak pandai jugak. Maknanya kita kata, “*palu molek la tokleh palu lagu nih*”[dialog Pak Chu dengan tukang muzik], makna dia nak *beta* [tipu] kita balik tidak boleh la *muga* [sebab] kita pandai. Kalau kita tak pandai, kita *oyak ko* [bagi tahu] dia,dia jawab “*ah, dia tok dale pun tok pandai nok ajar kita*”[dialog tukang muzik]. *Ha* [ya], *tokleh* [tidak boleh], kita kena belajar dahulu.

FA

Persembahan wayang kulit dalam bahasa Melayu ke bahasa Cina lebih mudah?

EHS

Oh, mudah melayu, dia kena loghat Kelantan. Dia wayang-wayang kulit *ni* [ini] dia kena ayat Kelantan,*pahtu* [selepas itu] pula dia kena perbanyakkan *hok* [yang] bahasa Kelantan, serupa kata kita main di sebelah luar *dok* [kan] Pulau Pinang ke Johor ke Kuala Lumpur mana, kita kena perbanyakkan bahasa buku, mudah orang faham. Kalau kita *kok ayat kelate ni* [dalam loghat Kelantan ini] dia tak faham dia duk *sengguk* [mengantuk] (ketawa). *Gapo* [apa] dia kata, maknanya kita kena perbanyakkan bunyi seakan-akan, maknanya *buwi* [bagi] orang faham. Dia senyap *jah lar* [saje] kalau tak faham,dia senyap, kita kata “*hai,, ada orang ke takdok orang ni?*”[Pak Chu bertanya]. Kalau *tubik* [keluar] ayat *hok* [yang] dia faham, dia bunyi pakat suka, “*la, ada orang*” [Pak Chu jawab], serupa kita la *lomi* [sekarang] kita duduk berlatih, kita nak g main di Taiwan. Taiwan dia nak perbanyakkan bahasa Mandarin, sebab dia orang *denun* [di sana] mana ada bahasa melayu. “*Saya panggil*

awak sebab awak tok dalang cina, tentu awak boleh cakap cina”[dialog penganjur] dia kata. *Memey* [memang] boleh *kecek* [cakap] cina, tapi *kot* [dalam] mandarin *ni* [ini] rumit sikit la, sebab kita tak mengaji *kot* [sebelah] *tu* [itu], *te kot lagu kita tapi wi bunyi cina* [buat dalam lagu kita tetapi ada bunyi cina]. Tak de masalah bagi kita *ni* [ini], Cuma kita masuk mandarin sikit-sikit gitu jah la.

FA Adakah Pak chu mempunyai persatuan sendiri?

EHS Kita ada persatuan, tapi persatuan seni *gapo tahu anok kawe* [apa nama dia], dalam 2 [dua] tahun *doh* [sudah].

FA Apakah impian Pak Chu sendiri dalam bidang wayang kulit?

EHS Impian dalam wayang kulit *ni* [ini] sebab kita nak (bunyi kertas) kita nak permodenkan.

FA Tidak rosak ke seni wayang kulit sekiranya dipermodenkan?

EHS Kita jangan rosak, kita jangan rosakkan cerita dan jugak cara-cara mainan dia, Cuma kita nak permodenkan *pahtu* [selepas itu] kita nak *gapo* [apa] dia orang memudahkan dan pulak biar tidak ada pakai tenaga ramai. contohnya kita kata kita pernah tengok satu wayang Thailand, kita panggil wayang gedek, dia panggil wayang gedek kalau di Thailand. Dia mari main sini, makna dia *tu* [itu] termoden, terhebat, tercanggih. Dia mari main, kita kata ada konsert *gapo* [apa] ada pentas, api pakai sportlight *ni* [ini], ada konsert *gapo* [apa]. Balik, malam *tu* [itu] kita pergi tengok, rupanya ada wayang kulit. Dia pasang tirai *gapo gitu gini* [macam itu macam ini]. *Hok* [yang] balik belakang dia *ni* [ini] dia tidak guna dengan gong gendang tidak ada geduk gedombok *gapo* [apa] semua dia pakai drum pakai gitar pakai *keyboard* [alat muzik]. Kita kata canggih barang *ni* [ini] *dok* [kan]. Tapi kita duk fikir-fikir, kita *kelik* [balik] mari buat kajian, kalau kita buat macam *ni* [ini], bermakna kita kena pakai tenaga ramai, tenaga *tu* [itu] ramai la orang duk main

gitar lagi orang duk main drum lagi. Lepas *tu* [itu] pula kos perbelanjaan dia besar, kita nak buat *ni* [ini], kita pernah buat dah, kita *tape* [rakam] ambil lagu main wayang kulit *ni* [ini], kita kita buat *cd* [cakera padat] [cakera padat], *tape* [tape] ambil la buat *cd* [cakera padat] *dok* [kan], *tape* [rakam] itu dia lagu dia, *tokleh* [tidak boleh] wayang kulit dia *tokleh* [tidak boleh] lagu dia, kita ambil lagu paluan hulubalang, dalam masa kita kata *tiga* [3] minit, paluan Pak Dogol dalam masa *dua* [2] minit, paluan perang *ni* [ini] kadang-kadang kita kena buat panjang sikit, paluan perang *ni* [ini] kita ambil dalam *lima* [5] minit, *pahtu* [selepas tu] semua ada la dalam *tu* [itu], kita buat satu *cd* [cakera padat], Pak Dogol dia *duk* [di] nombor *satu* [1] yang kedua dia lagu dewa yang ketiga hulubalang yang keempat serama jalan yang kelima lagu tabuh kita ada situ siap dalam *tu* [itu] (bunyi motosikal).

Bila kita pergi main tempat-tempat majlis itu ini tidak kita pergi pasang lagu *ni* [ini], lepas tu saya balik, siap saya balik _____. Cuma alat muzik tiada lepas *tu* [itu] kita main, bila kita main-main dia balas mana, dia perang, kita tekan nombor *tujuh* [7] _____, dia perang *dok* [kan], orang nak muzik kita buka *cd* [cakera padat], lagu dia, maknanya kita pergi *dua* [2] orang *jah* [saja], *dua* [2] orang, yang seorang lagi *tu* [itu] untuk ambil patung, mana kata *Seri Maharaja Hanume Kera Putih* [watak wayang kulit] nak *tubik* [keluar] maknanya dia sempat hulur kita *dok* [kan] lepas *tu* [itu] kita nak cari lagi, pasal muzik *ni* [ini] duk jalan, dia takut *tokde* [tak sempat] masa singkat kita buat masa *lima* [5] minit *ni* [ini] *tokde* [tak sempat], dia pun siap *blako doh* [semua] kita pun main situ *Hanume Kero Putih* [watak wayang kulit] nak *tubik* [keluar] nak menghadap ayah dia, *hok* [yang] sini ambil dah, kita duk pegang selalu, apabila bunyi muzik, kita berhenti. *Kawe* [saya] pernah pergi buat di Putrajaya *dua* [2] kali *hok* [yang] kerja itu la macam macam kerja polis. Dia sekali *tu* [itu] Ketua Polis Kelantan dia kata nak kahwin nak dia, dialog dia buat

siap, saya nak anak saya *ni* [ini] nama Amri *bini* [isteri] dia *ni* [ini] nama Suriyana apa gitulah buat patung, *ni* [ini] patung Suriyana ni patung anak dia *pahtu* [selepas itu] anak dia suka main main *gapo hok dia panggil buat gagah tu?* *Gim ko? Angkat berat bina bade* [apa yang dia panggil buat gagah *tu* [itu]]? Gim ke? Angkat berat bina badan]. Apa *ni* [ini] *bini* [isteri] dia main aerobik *gapo* [apa] lagu joget apa *ni* [ini], dia berkasih dua *ni* [ini], *hok tino* [perempuan] *ni* [ini] suka makan apa dia panggil, *gapo* [apa] dia panggil *ni* [ini] dia macam pizza macam burger macam pizza. Lepas *tu* [itu] yang laki *ni* [ini] pulak suka makan ayam goreng, semua kita buat patung dia *pahtu* [selepas itu] main la, muzik kita siap dah. Dia kata berapa orang, kita kata dua *jah* [sahaja]. Lepas *tu* [itu] main muzik, siap *semesta* [sekajap] lagi ada muzik *tubik* [keluar] siap. Kita pakai *cd* [cakera padat] satu *ni* [ini] saja. Tuan bawa mari radio, siap lah, pasang *speaker* [pembesar suara] *gapo* [apa] cukup siap. Cuma kita nanti tekan kita nak nombor berapa, bawa mari *remote* [kawalan] dia. *Bereh* [baik], dia bayar kita *empat ribu setengah* [RM4500] 2 orang *dok* [kan]. Kita pergi dengan bas kita balik dengan kapal terbang *pitih ada ni gak* [duit tengah ada ni] (ketawa) kita *target* [sasar] atas seribu *jah* [saja] (ketawa).

FA

Adakah Pak Chu pernah merasa jemu dalam penglibatan wayang kulit?

EHS

Tidak pernah, semangat *sokmo* [selalu].

FA

Bilakah Pak Chu akan bersara dari wayang kulit?

EHS

Saya rasa kita tidak akan bersara kecuali kita tidak ada tenaga *jah* [saja]. Selagi ada tenaga selagi *tu* [itu] kita main. Sebab kita tengok-tengok pada tok dalang lain pun boleh pergi sampai *tujuh puluh* [70] *lapan puluh* [80] tahun dia main , kita tak sampai *enam puluh* [60] tahun lagi maknanya masa kita tu ada lagi, takde penyakit , selagi ada tenaga selagi *tu* [itu] kita main.

- FA** **Adakah Pak Chu menerima sebarang anugerah dairpada sesiapa?**
- EHS Kita nya cuma kita pasal *loni* [sekarang] anugerah *ni* [ini] dia macam dia bagi sijil dia bagi lepas *tu* [itu] dia bagi duit begitu saja tiada pingat apa la, kita pernah terima lah pingat daripada kerajaan negeri lepas *tu* [itu] bahagian yang raja-raja makna kita pergi main di istana raja. Macam, *tu* [itu] la, lepas *tu* [itu] dia panggil kita mari, dia panggil kita *gi* [pergi] *pulok* [pula], dia banyak bagi saguhati la, macam *tu* [itu] la.
- FA** **Adakah Pak Chu pernah membuat persembahan di luar negara? Dimana?**
- EHS Di luar negara mula-mula saya main di Thailand (bunyi motosikal), lepas di Thailand, saya main (berfikir) saya main di Singapore, Thailand, Indonesia. *Lepastu* [selepas itu] yang paling jauhnya di Perancis.
- FA** **Atas jemputan untuk majlis apa?(bunyi motosikal)**
- EHS Atas jemputan untuk Jabatan Warisan. Pasal diiktiraf kita *ni* [ini] sebagai warisan dunia *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization]. Dia iktiraf kita , kalau ada persembahan di luar negara makna kita la, balik *tu* [itu] dia bagi anugerah Tokoh Orang Hidup. Masa dulu *ni* [ini] dia bagi tokoh *ni* [ini] untuk orang tiada, baru bagi tokoh, ni kita tidak,tokoh masih hidup yang masih boleh bekerja lagi, baru *ni* [ini] pula dalam bulan lepas kita boleh tokoh Tukang Ulung, tukang la kita boleh buat alat-alat muzik, kita boleh buat sendiri benda *ni*[ini]. Pasal orang tengok dari surat khabar, *tv* [televisyen] *ni* [ini] kita pernah buat wayang kulit, buat serunai, maknanya dia orang bahagian kraftangan di pilih kita sebagai tukang ulung.

FA

Bagaimana perasaan Pak Chu ketika mengadakan persembahan di luar negara?

EHS

Dia sebelum sebelum kita nak buat persembahan *tu* [itu] jadi banyak kita duduk fikir , *gapo* [apa] dia kita nak buat, tempat orang tidak kenal, lepas *tu* [itu] kalau nak *kecek* [cakap] pula kita nak *kecek* [cakap] bahasa *gapo* [apa], kita duduk fikir, kata *lagu* [macam] mana kalau Thailand ke Singapura ke Indonesia ke kita tidak pelik benda *tu* [itu] nampak biasa, serupa luar negara, kita buat di Perancis, lepas kita balik *tu* [itu] kita ada pula jemputan di England, kita buat pula di situ tidak lama dia buat di “---“ dia kata sementara tunggu kapal terbang itu *jah* [saja] kita buat di situ , lebih kurang dalam *lima belas* [15] minit *jah* [saja], *hok* [yang] *tu* [itu] di Perancis *tu* [itu] *tiga* [3] hari, *tiga* [3] kali malam, jadi kita pun *kecek* [cakap] dengan bos kita macm mana, dia kata gini awak tak pelik, kita buat latihan dulu, kita buat *reherseal* [latihan], tapi awak kena ingat la yang awak buat reherseal *tu* [itu] *hok* [yang] buat persembahan pun kena ayat *tu* [itu] jugak, dialog , kita kata *bereh* [ok], kita buat la, petang *tu* [itu] buat dia *tape* [rakam] habis, dia balik dia tulis, tulis bahasa Perancis bukan bahasa Inggeris *ni* [ini] *dok* [bukan], bahasa Perancis. Orang *denun* [sana] la, dia budak sini saja dia budak Bachok, dia kerja *denun* [sana], dia orang melayu Bachok. Dia tulis la, tapi dialog dia kata jangan lari la kena bagi dialog betul jugak, *gak de* [kalau] ada dialog *gak tak dok hal la kita ingat sokmo* [tiada masalah la kita ingat selalu] barang yang kita buat, lepas *tu* [itu] kita main dalam *tu* [itu] , ada *ko tekoh* [ke dalam] kita main orang *suka* [gelak], “*guano orang sini faham ke gapo hok kita ghoyak,? [dialog Pak Chu]*” *apo* [apa], skrin dia besar dia *tubik* [keluar] huruf selalu, macam karaoke, ayat dia *tubik* [keluar] mulut kita, kita kata “*Samad oo, lama doh Samad mung tak mari ni*”[dialog

wayang kulit], dia *tubik situ* [keluar di situ], bahasa Perancis, maknanya boleh suka la *puok dia boleh pehe ayat tu* [puak dia boleh faham ayat tu] *lagu* [macam] tu.

FA Di istana manakah Pak Chu selalu dijemput untuk membuat persembahan?

EHS Di istana *ni* [ini] lah, Istana Kubang Kerian, dia macam dulu dia buat hari hari jadi, dia panggil kita la, persembahan wayang kulit *dua* [2] kali dikir barat *dua* [2] kali, pasal dia raja *tu* [itu] dia minat (berfikir), Tengku Anis, minat dia dengan wayang kulit.

FA Boleh Pak Chu ceritakan sejarah Wayang kulit, dan Wayang kulit sebenarnya berasal dari negara mana?

EHS Dia wayang kulit *ni* [ini] setahu saya la tok guru saya dia *oyak* [bagi tahu] nya dia kata wayang kulit *ni* [ini] asal daripada Indonesia, Jawa. *Hok* [yang] *tu* [itu] la dia dalam wayang kulit *ni* [ini], dia ada sebutan dia, “*wong dan darku tigan patik ouh tiken menikeng juruan daru dan na rusuk*” [ayat jawa]. Orang tanya kita apa dia, kita jawab tidak tahu, kita dengar tok guru kita ucap *lagu tu* [macam itu], lepas *tu* [itu] dia nama-nama dia macam nama-nama dia “*perkan yudi perkanyuda*”[ungkapan dalam wayang kulit], dia memang nama dia Jawa, wayang kulit *tu* [itu] nama Jawa,” *parbuk anum ,gurupatih*”[ayat Jawa] maknanya ayat Jawa la *tu* [itu], nama dia “*parbuk anum, gurupatih, tokpungcana*”[ayat Jawa] maknanya dia sebut *tu* [itu] maknanya dia *baso* [jenis] ayat dia ayat jawa, sebab dia dalam wayang kulit *ni* [ini] dia dia sebutan dia kalau nama *hok* [yang] macam dia kata pekat tadi la macam “*Seri Rama Laksamana Hanume Kera Putih, Tuan Puteri Seri Dewi*”[nama watak wayang kulit], *gapo hok ayat hok dia kira hok wayang kulit* [apa yang ayat yang dia kira yang wayang kulit], lepas sebut *hok* [yang] jahat macam “*raktu*” [nama watak wayang kulit] macam jin dia sebut nama jawa *belaka* [semua], boleh tengok dalam buku, kita dulu tak tahu hilang mana kita beli buku

nama *tu* [itu], nama watak nama *hok* [yang] jawa, kita beli satu *book* [buku], lebih kurang dalam *tu* [itu] dia ada dalam dekat *seratus* [100] nama, kita boleh pilih la, cerita *ni* [ini] nama dia dalam cerita *ni* [ini] dia *baloh* [gaduh] dengan orang nama *ni* [ini], kadang-kadang orang pelik kata nama ambil mana, “*nama sebut mung gi ambil mana nama dia ni?*”[orang kampng tanya], sebab kita ada buku dia, buku nama-nama wayang kulit nama wayang kulit jawa, sebab cuma kita nak main wayang dia tidak boleh sebab wayang kulit dia *tu* [itu] tidak sesuai dengan patung tempat kita, dia buat jenis kurus, patung dia beza, dia wayang jawa patung dia wayang jawa, *pahtu* [selepas itu] wayang melayu, wayang jawa dengan wayang melayu *ni* [ini] dia lain. Dia wayang kulit dia lain dia *tiga* [3], tapi wayang melayu dia lain, wayang kulit dia lain, wayang Jawa lain, wayang kulit ni la yang biasa dengan loghat Kelantan *ni* [ini], wayang jawa *ni* [ini] kita *tok pehe nah dia kecek* [tidak faham dia cakap] Jawa, macam wayang Bali apa, kita tak faham terus la *tu* [itu].

- FA **Pada tahun berapakah Wayang kulit mula muncul di negara dan negeri kita?**
- EHS Di Kelantan *ni* [ini] rasanya dia sebelum Jepun, dia dalam *tiga puluh* [30] an, dia mari daripada apa *ni* [ini], Thailand, sebab dia daripada Jawa dia masuk Thailand, dia masuk Thailand *tu* [itu] orang Thailand main berpuluhan-puluhan tahun orang Thailand duk main wayang jawa dia main dalam bahasa Thailand dia panggil wayang gedek, sebab *tu* [itu] wayang jawa dan wayang gedek *tu* [itu] seakan-akan, sama jugak dengan patung dia, dia pakai patung wayang jawa dia pakai dia *kecek* [cakap] bahasa dia , bahasa siam, dia panggil wayang gedek. Dia main-main, *pahtu* [selepas itu] orang yang main wayang gedek *tu* [itu] tok dalang orang siam orang panggil “*Tok Dalang Eku*”[tok dalang siam], tok guru kita duk *royak* [bagitahu] dulu la, “*Eku*”[tok dalang siam] *ni* [ini] orang Thailand, “*Eku*”[tok

dalang siam] *ni* [ini] dia mari, masa *tu* [itu] dia panggil macam dia mari jalan la dalam Malaysia *ni* [ini], dia bawa rombongan dia untuk cari makan orang panggil la orang zaman dahulu, orang zaman dahulu tidak upah dia mari, kita ingat dahulu wayang gedek dulu mari tidak upah, dia mari duduk satu-satu rumah *tu* [itu], dia kata dia nak beras, mari *ni* [ini] dia nak beras dia nak tembakau daun rokok, cukup alat-alat dia nak buat balik *nuh* [thailand]. Maknanya orang kampung yang nak menonton wayang gedek *ni* [ini] kita *pakat keroh pakat tubik* [sepakat suruh semua keluar] kata wayang gedek ada mari, pakat *tubik* [keluar] bawa beras, tembakau, daun rokok, dia boleh *tu* [itu] gak, dia bawa balik la. Tak lama dalam sebulan dua dia mari pula. dia mari *tu* [itu] tidak kena upah la. Lepas dia main-main *tu* [itu], jadi ramai orang minat *ni* [ini] dia pakat dia pakat ubah, orang sini ubah, dia kata orang *ni* [ini] *kecek* [cakap] siam *kecek* [cakap] melayu, jadi kebanyakan kalau tok dalang sini melayu, tok pandai pula nak *kecek* [cakap] siam. Melayu, Melayu belaka.

FA

Dari segi kualiti wayang kulit itu sendiri itu bagaimana? Adakah ia berbeza dari zaman dahulu hingga sekarang?

EHS

Kita kata dari segi perbezaannya dari segi moden saja la. Dia sekarang *ni* [ini] kalau nak main wayang dia kena moden sikit (ayam berk Kokok) dia tidak macam dahulu, zaman dulu kita ingat tengok wayang kulit kita mengantuk kita, dia nak *tubik* [keluar] wayang *seko-seko* [satu persatu] wayang nak *tubik* [keluar] *tu* [itu] dia duk menyanyi, dia *duk* [asyik] menyanyi, masuk menyanyi pulak, *tubik* [keluar] mari, lepas *hok* [yang] *ni* [ini] pula nak *tubik* [keluar] mari lepas *tu* [itu] dia nyanyi pulak, nak boleh dia *kecek* [cakap] dua *tu* [itu] kira setengah jam dah masa habis, lepas *tu* [itu] dialog pula *dua* [2] *tu* [itu] “*bari jauha kokni bari jauha kokni jadi baloh gi baloh sini*” [ayat wayang kulit] setengah jam pulak situ, kata *tokleh* [tidak boleh] main *lagu* [macam] *tu* [itu], kita main cara ringkas, kalau berjalan *kokni* [sebelah]

sini] kita nak bagi sedak sikit kita nyanyi lagu dikir barat ataupun lagu dangdut, maknanya ada hiburan yang bagi minat *dok* [kan], ___ kita kena ringkas. Mudah faham, tidak mengantuk, *ni* [ini] jangan bagi sampai *jenero* [tertidur] (ayam berkokok).

FA Pada tahun berapakah (telefon berdering) wayang kulit mendapat sambutan mengalakkan dari orang ramai? Ataupun zaman kegemilangan wayang kulit?

EHS Dia kalau kita banding orang dahulu dengan orang sekarang perbezaan dia orang dulu dia suka main tengah malam sudah lewat tengah malam, orang sekarang dia suka main awal sudah awal, sebab orang zaman *ni* [ini] kebanyakkan dia orang kerja, dulu dia kerja sendiri *jah* [saja], ada petani ada menebas, menoreh *lagu tu jah* [macam itu saja] orang zaman dahulu. Orang zaman *ni* [ini] *start* [mula] pukul *sembilan* [9] pukul *dua belas* [12] habis, seingat saya pada mula-mula pandai dikir barat dulu sampai pukul *lima* [5] pagi buat di padang. Setakat pukul *dua belas* [12] baru *start* [mula], *sebelas* [11] setengah *tu* [itu] baru siap alat-alat.pada zaman dahulu, sejam dia “ngarut” [mengarut dalam dikir barat], *serupo baloh doh* [macam bergaduh]. *Hok* [yang] *tu* [itu] buat *tubik* [keluar] pisau golok yang diperbuat daripada kayu la. Dekat-dekat subuh baru siap. *Loni* [sekarang] *pukul dua belas* [12] *tokleh* [tidak boleh] lebih,tidak benar sebab dia kena ambil lesen.

FA (ayam berkokok) Pada pendapat Pak Chu, adakah wayang kulit perlu dikomersialkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa?

EHS (ayam berkokok) Patut la, sebab dia wayang kulit *ni* [ini] dia banyak kalu kita kira pengisian dia banyak, dia boleh menyampaikan mesej, kita boleh menyampaikan mesej macam penganjur kita *ni* [ini] main *dok* [kan], kita nak *ngepeng* [iklan] nak

nasihat budak-budak makan dadah ke, cara dia buat patung cara mat rempit *ni* [ini] lagu *ni* [ini] _____ *ni* [ini] akibat dia, macam nasihat la.

FA Pada pendapat Pak Chu, bagaimanakah kerajaan sepatutnya memainkan peranan dalam mengembalikan kegembilangan wayang kulit?

EHS Dia pasal *loni* [sekarang] kerajaan *ni* [ini] dia nak wayang kulit akan berkembang lebih jauh lagi, sebab dia akan bagi bantuan dia kata untuk memajukan lagi macam kita kata kita *tok* [tidak] cukup alat-alat kita kena mintak projek dengan dia, sebab saya *ni* [ini] banyak la kerajan pusat dan kerajaan negeri bantu dia mari tawar kita, *lagu* [macam] *tu* [itu] saja, sebab dia tengok keadaan.

FA Pada pendapat Pak Chu, adakah wajar sekiranya wayang kulit di terap ke dalam institusi pendidikan?

EHS *Ho* [ya] patut lah, macam sebab dia *loni* [sekarang] kerajaan galakkan pelajar-pelajar kita sama ada dari Kuala Lumpur, Johor, Pinang *gapo*[apa] selalu Singapore pun ada mari, maknanya dia nak buat kajian tentang wayang kulit dan kebudayaan.

FA Pada persekitaran kini, orang ramai sanggup berbelanja besar untuk filem barat atau konsert, tapi untuk persembahan kebudayaan, mereka terlebih dahulu akan tanya sama ada persembahan itu percuma ataupun tidak, bagaimana untuk mengatasi masalah ini?

EHS *Ha, [ya] hok ni la kade-kade* [yang ini la kadang-kadang] kita mari pelik. Mari pelik la, dia kalau kita dulu kita ingat, dulu kita ingat kita main wayang kulit tempat-tempat kerja kenduri kebanyakkan dia kerja tokkong kerja orang siam, orang cina pun minat wayang kulit. Kebelakangan *ni* [ini] tidak, dia kata orang muda-muda *toksey* [tidak mahu] orang muda-muda *ni* [ini] lebih minat pada nyanyian, kalau boleh pergi diskon, berpakaian seksi-seksi panggil daripada Thailand, luar negeri Pulau Pinang, Johor, memang dia minat. Kos perbelanjaan dia tidak kira, kos *tu*

[itu] memang mahal. *Hok ni hok* [yang ni yang] baru-baru ni, semalam kita kata, di Tendong, di Tokong *ni* [ini] tokong Kemubu *ni* [ini], *pahtu* [selepas itu] di *Peringat* [lokasi di Kelantan] dia main konsert *tu* [itu] jugak satu malam persempahan dia kena bayar *lima ribu setengah* [RM5500] pah kali dengan empat malam *dua puluh brapo ribu* [RM20000]. Dia nak baginya selera kepada muda-muda *ni* [ini], dia tidak fikir kos perbelanjaan. Kalau kita kira banding pula, dia orang penonton *ni* [ini] dia ada *dua,tiga,empat* [2,3,4] orang saje jenis lagu *tu* [itu] tidak keseluruhan, *dua,tiga,empat* [2,3,4] orang dia kata panggil menyanyi la sedap sikit, menyanyi. *Hok* [yang] *dua, tiga* [2,3] orang *tu* [itu] saja. Yang lain *ni* [ini] dia nanti tengok, mari *gapo*[apa] pun dia pergi tengok, mari wayang pun dia tengok, dikir pun dia tengok. Baik wayang kulit ,kita boleh tengok cerita dia, boleh suka lawak jenaka dia. *Pahtu* [selepas itu] bayaran pula murah, paling-paling tinggi pun *lima ratus* [RM500] semalam, kalau kita main *empat* [4] malam tidak habis lagi *sepuluh ribu* [RM10,000].Ini lah kesilapan orang kita pasal dia tiru kebudayaan barat.

FA

Bagaimana untuk mempopularkan lagi wayang kulit ini?

EHS

Macam yang saya kata *sakni* [tadi] la, kita kena buat macam konsert. Kita boleh nampak terutama sekali pementasan kita dan alat-alat kita *tu* [itu] maknanya kita boleh buat lagu *tu* [itu] tapi kos perbelanjaan *tu* [itu] tapi kita kena mesyuarat dulu dengan kerajaan *puok-puok* [kumpulan] seni macamana nak buat, kos dia *tu* [itu] berapa nak buat, macam kata bajet baru-baru *ni* [ini] kos *tu* [itu] dalam *empat puluh ribu* [40000], baru lah kita boleh main wayang kulit. Kita buat macam Thailand la, dia main masa dalam *empat puluh* [40] minit, *pahtu pulok* [lepas itu pula] konsert, dia ada menyanyi, dia main kugiran la pula ,habis situ pula dalam setengah jam baru, dia main wayang pula ,sambung *hok sakni* [yang tadi] la lepas *tu* [itu] habis, *pahtu* [lepas itu] dengan api dia *spotlight* [cahaya] _ _ _ wayang kita *ni* [ini] *dua*

[2] dalam *satu* [1], tapi kos dia *ni* [ini] *empat puluh ribu* [40 000], dengan *spotlight* [cahaya] dia, *PA* [Public address] sistem dia, dengan *speaker* [pembesar suara] dia. Kita pun buat joget, tiap-tiap malam sabtu kita buat, penuh orang. Tidak kira muda tua orang tua minat orang muda lagi minat, tidak kira lapisan, tapi kebanyakkan *hok* [yang] kita tengok *hok* [yang] muda la. Pasal dia suka, lagu-lagu dia *ni* [ini] jenis dangdut, rock, ada *belaka* [semua] kita buat ada orang main *keyboard* [alat muzik] dia pandai belaka, *hok* [yang] orang tua *ni* [ini] pulak kita bagi serunai la.

FA Apakah nasihat Pak Chu kepada generasi baru yang ingin menceburi wayang kulit?

EHS Sebab kita kata, kalau boleh la saya nak nasihat kepada orang muda-muda *ni* [ini] dia kena belajar seni kebudayaan terutama wayang kulit ke dikir barat ke sebabnya *hok* [yang] *ni* [ini] kebudayaan kita. Kita takut satu hari nanti takut *takdok* [tiada] pelapis *hok* [yang] tua *ni* [ini], benda *ni* [ini] akan tiada, *ni* [ini] pun ada buat masa-masa sekarang *ni* [ini] kalau kita pergi jauh sikit kalau kita kira sebelah hulu sikit la, macam Dabong dia tidak kenal wayang kulit, tanya umur dia kata baru lepas SPM, tidak rajin tengok wayang kulit? Dia kato *tok* [tidak] rajin, *ni* [ini] baru tengok wayang kulit, kita rajin dengar wayang kulit, *ni* [ini] baru tengok wayang kulit, “lagu *ni* [ini] wayang kulit”. Saya kata kebanyakkan orang tanya macam ini orang Jepun, Korea, Amerika tanya, *ni* [ini] sama rakyat Kelantan tanya wayang kulit *ni* [ini] *gapo* [apa], sebab dia tidak pernah tengok wayang kulit *ni* [ini] *lagu* [macam] mana. Sebab itu la kalau boleh wayang kulit *ni* [ini] perlu ada di setiap kampung persembahan *tu* [itu] minggu *ni* [ini] kampung ini, minggu *ni* [ini] kampung ini, biar seluruh negeri Kelantan *ni* [ini] kenal dengan wayang kulit, sekurangnya dia tahu cara *kecek* [cakap] *Wokyoh, Samad* [watak wayang kulit] mana *hok* [yang] minat nyanyi tahu dikir barat. Sebab *tu* [itu] kalau kita pergi ke

sebelah Kuala Lumpur benda *ni* [ini] tidak pelik, dia tidak pelik dah, maknanya *loni* [sekarang] kalau bahagian kebudayaan Kelantan *ni* [ini] cerdik orang Kuala Lumpur, dia tahu kadang-kadang dia tahu, “*ha, ni nih Wokyoh, ni Said, ho ni Hamume, dia kenal doh*”[kata orang Kuala Lumpur] dia *puak* [rakyat] Kuala Lumpur *puak-puak* [rakyat-rakyat] Negeri Sembilan dia kenal, kalau di Kelantan kita *ni* [ini] kalau pergi di hulu sikit, tok kenal, ini la ruginya, sebabnya kerajaan kita tidak menggalakkan , kita ingat dulu tahun *sembilan puluh sembilan* [99] dia *stop* [menghentikan] wayang kulit, wayang kulit tidak dibenarkan, diharamkan,dikir barat diharamkan wayang kulit diharamkan, kalu dikir barat nak menyanyi pun tidak dibenarkan *tino* [perempuan] menyanyi, tapi dikir barat *loni* [sekarang] kalu tak ada orang *tino* [perempuan] nyanyi tiada orang *sore habuk* [seorang pun]. Orang tidak pergi tengok, orang pergi tengok nak pergi tengok *tino* [perempuan] *tu* [itu] duk nyanyi, duk mengarut *puok jate ni wak gapo* [lelaki ni buat apa]. Masa *tu* [itu] kita main wayang kulit paling banyak sekali masa *tu* [itu], sebab diharamkan wayang kulit seluruh Kelantan la, maknanya saya seorang saja boleh main, *tok cekak nok* [letih nak] main keno buat giliran, *shif*[giliran] kita kata begini la kampung *demo* [awak] buat minggu depan minggu *ni* [ini] penuh. Sebab saya sorang yang boleh main sebab Menteri Besar dia panggil saya pergi dialog dengan dia, dia tanya *“kalu tidak pakai goni* [benda ni] *boleh?* [tanya Menteri Besar] Kita kata boleh pasal dia tanya tok dalang tok dalang lain tidak boleh main, dia kata *tokleh* [tidak boleh] nak main kalu tiada Pak Dogol, *hok* [yang] *ni* [ini] diharamkan, *bakpo* [kenapa] kita duk puja benda lagu *tu* [itu], kesilapan tok dalang kita orang melayu, sebab saya *ni* [ini] cina main la macam mana pun _ _ _ dia lebih kurang dua penggal , *sepuluh* [10] tahun, lepas *tu* [itu] baru la dilonggarkan. Masa *tu* [itu] pun main kena berlesen, main di tempat tertutup

tidak boleh orang melayu pergi tengok,sampai pada itu dia buat. Ketat tapi boleh main,tapi bila boleh lesen kita tidak peduli, *nok ko* [nak ke] lesen dia *jah* [saja] (ketawa). *Dok* [kan]?

FA **Jadi saya rasa setakat ini sahaja sesi temubual kita. Banyak yang kami dapat dalam temubual ini, kami akan cuba sebarkan maklumat yang kami peroleh kepada orang ramai. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Eyo Hock Seng kerana sudi memberikan kerjasama dan meluangkan masa untuk ditemubual sebagai tokoh sejarah lisan.**

LAMPIRAN

SOALAN

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh Pak Chu?
2. Apakah nama panggilan Pak Chu?
3. Bilakah Pak Chu dilahirkan?
4. Dimanakah Pak Chu dilahirkan?
5. Pak Chu berasal dari mana?
6. Siapakah nama penuh ayah Pak Chu?
7. Siapakah nama penuh ibu Pak Chu?
8. Adakah mereka masih hidup lagi?
9. Berapa ramaikah adik beradik Pak Chu?
10. Berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
11. Bagaimana latar belakang pendidikan Pak Chu dan adik beradik Pak Chu?
12. Dimanakah Pak Chu mendapat pendidikan awal?
13. Bagaimana pula pendidikan Pak Chu diperingkat sekolah menengah?
14. Selepas daripada itu Pak Chu ikut orang dikir barat ke Pak Chu kerja?
15. Jadi semasa tok dalang muda itu umur Pak Chu berapa?
16. Jadi selepas daripada itu dalam berapa tahun pulak sebelum jadi tok dalang?
17. Siapakan nama isteri Pak Chu?
18. Isteri Pak Chu berasal dari mana?
19. Apakah perkerjaan isteri Pak Chu?
20. Kalau tidak keberatan boleh saya tahu berapa ramai anak Pak Chu?
21. Apakah pekerjaan mereka sekarang?

22. Adakah Pak Chu mempunyai cucu?
23. Saudara mara Pak Chu ada duduk di kampung ini semua ke ada?
24. Ada ke yang hijrah ke Kuala Lumpur?

BAHAGIAN B: KERJAYA

25. Apakah pekerjaan Pak Chu sebelum terlibat dengan Wayang kulit?
26. Sekiranya Pak Chu tidak keberatan, boleh Pak Chu kongsikan berapakah anggaran pendapatan yang diterima oleh Pak Chu?
27. Jadi berapa lama Pak Chu bekerja sebagai petani ini?
28. Mula-mula Pak Chu masuk dalam wayang kulit ni macam mana?
Berdasarkan minat sendiri ke? Daripada rakan-rakan ke?
29. Mula-mula Pak Chu tengok wayang kulit ini di mana?
30. Masa itu siapa tok dalang hok buat persembahan?
31. Salah satu yang Pak Chu minat sekali yang mana?
32. Adakah mudah untuk bermain wayang kulit ketika pertama kali terlibat dalam bidang ini?
33. Jadi Pak Chu pulak lama mana untuk kuasai nada masa dia?
34. Berapakah anggaran pendapatan permulaan Pak Chu pada awal pembabitian dalam bidang Wayang kulit?
35. Apakah cabaran yang harus dihadapi oleh Pak Chu sebelum Pak Chu menjadi terkenal?
36. Kalau rugi tu macam mana Pak Chu atasi?
37. Jadi episod tu dalam 25 malam tu episod lain-lain ke?
38. Jadi dalam masa 1 malam itu berapa jam Pak Chu buat ?

39. Masa Pak Chu buat persembahan ni pengalaman yang Pak Chu boleh ingat sampai bila-bila. Di mana tempat buat persembahan tu ?
40. Bagaimana persepsi dari keluarga terhadap Pak Chu ketik Pak Chu mula-mula menceburi bidang ini?
41. Bagaimana pula persepsi dari komuniti terhadap Pak Chu ketik Pak Chu mula-mula menceburi bidang ini? Ada tak yang mencemuh ataupun meragui Pak Chu pada awlnya?
42. Bagaimana pula persepsi dari penggiat seni wayang kulit terhadap Pak Chu ketik Pak Chu mula-mula menceburi bidang ini? ada tak yang bersangka buruk?
43. Adakah Pak Chu sendiri yang mereka dan membuat watak-watak dalam wayang kulit?
44. Pak Chu ada mengambil upah untuk membuat watak-watak tersebut daripada orang lain?
45. Berapa kos untuk membuat satu-satu watak itu?
46. Susah ke senang untuk membuat satu-satu watak tersebut?
47. Watak-watak tersebut diperbuat daripada apa?
48. Berapa lama masa tahan patung tu?
49. Watak apa yang paling penting dalam cerita wayang kulit?
50. Adakah Pak Chu reka sendiri cerita ini atau pun dari tok guru Pak Chu sendiri?
51. Berapa banyak cerita yang Pak Chu reka?
52. Cerita daripada tok guru Pak Chu, ada Pak Chu persembahkan?
53. Cerita apa yang sering Pak Chu persembahkan?
54. Cerita apa yang paling diminati oleh penonton?

55. Adakah mudah bagi Pak Chu untuk membuat penceritaan bagi satu-satu persembahan?
56. Berapa kali Pak Chu berlatih bagi satu-satu pesembahan?
57. Bagaimana kedudukan ataupun susunan di belakang pentas ketika membut persembahan?
58. Adakah pernah berlaku masalah ketika membuat persembahan?
59. Bagaimana Pak Chu mengatasi cacat cela ataupun masalah ketika membuat persembahan? Seperti lupa dialog ataupun tersilap dialog?
60. Bagaimana untuk mengekalkan keaslian dan kelainan suara watak-watak wayang kulit? Petua yang Pak Chu amalkan?
61. Selain daripada Tok Dalang, adakah Pak Chu bermain alat muzik?
62. Alat muzik apa yang dimainkan?
63. Adakah Pak Chu pernah mengadakan persembahan dalam Bahasa Cina?
64. Dalam bahasa Melayu ke bahasa Cina lebih mudah?
65. Adakah Pak Chu mempunyai persatuan sendiri?
66. Berapa ramaikah ahli persatuan Pak Chu?
67. Majorti ahli persatuan Pak Chu terdiri dari kaum mana?
68. Apakah impian Pak Chu sendiri dalam bidang wayang kulit?
69. Tidak rosak ke seni wayang kulit sekiranya dipermodenkan?
70. Adakah Pak Chu pernah merasa jemu dalam penglibatan wayang kulit?
71. Bilakah Pak Chu akan bersara dari wayang kulit?

BAHAGIAN C: SUMBANGAN, PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

72. Apakah Pak Chu menerima sebarang anugerah?
73. Adakah Pak Chu pernah membuat persembahan di luar negara? Dimana?

74. Bagaimana perasaan Pak Chu ketika mengadakan persempahan di luar negara?
75. Bagaimana penerimaan orang luar terhadap persempahan wayang kulit ketika Pak Chu membuat persempahan?
76. Adakah Pak Chu pernah membuat persmbahan di dalam istana?
77. Di istana manakah Pak Chu selalu dijemput untuk membuat persempahan?

BAHAGIAN D: SEJARAH DAN PERKEMBANGAN WAYANG

KULIT

78. Boleh Pak Chu ceritakan sejarah Wayang kulit berkembang dari awal hingga sekarang?
79. Wayang kulit sebenarnya berasal dari negara mana?
80. Siapakah orang yang bertanggungjawab membawa wayang kulit ke negara kita?
81. Pada tahun berapakah Wayang kulit mula muncul di negara kita?
82. Siapakah tok dalang yang pertama membuat persempahan wayang kuit di negara kita?
83. Apakah perbezaan wayang kulit dahulu dan sekarang?
84. Pada tahun berapakah wayang kulit mendapat sambutan mengalakkan dari orang ramai? Ataupun zaman kegemilangan wayang kulit?

BAHAGIAN E: PENDAPAT

85. Pada pendapat Pak Chu, adakah wayang kulit perlu dikomersialkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa?

86. Pada pendapat Pak Chu,bagaimanakah kerajaan sepatutnya memainkan peranan dalam mengembalikan kegembilangan wayang kulit?
87. Pada pendapat Pak Chu, adakah wayang kulit dapat dikekalkan dalam masa 50 tahun akan datang?
88. Pada pendapat Pak Chu, apakah harapan Pak Chu kepada bidang wayang kulit di masa hadapan?
89. Apakah nasihat Pak Chu kepada generasi baru yang ingin menceburti wayang kulit?
90. Pada pendapat Pak Chu, adakah wajar sekiranya wayang kulit di terap ke dalam institusi pendidikan?
91. Pada persekitaran kini, orang ramai sanggup berbelanja besar untuk filem barat atau konset, tapi untuk persembahan kebudayaan, mereka terlebih dahulu akan tanya sama ada persembahan itu percuma ataupun tidak, bagaimana untuk mengatasi maslah ini?
92. Bagaimana untuk mempopularkan lagi wayang kulit ini?

LOG TEMURAMAH

Mohd Faizul Amin bin Sohaimin dan Amiruddin bin Mohd Nor telah menemubual seorang tokoh seni seni tersohor dalam wayang kulit iaitu Tuan Eyo Hock Seng. Beliau telah dilahir kan pada 3/5/1955 di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas Kelantan. Beliau merupakan seorang warga Cina yang bergiat aktif di dalam seni wayang kulit. Beliau telah telibat di dalam seni wayang kulit selama 36 tahun bermula dari tahun 1978 dan masih aktif sehingga ke hari ini. Sesi temubual dijalankan di perkarangan rumah Tuan Eyo Hock Seng iaitu di Kampung Pasir Parit pada 24 April 2014.

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama/Tempat yang dirujuk
01.35	Biodata dan latar belakang Tuan Eyo Hock Seng	Kampung Pasir Parit Pasir Mas, Kelantan China
04.10	Latar belakang pendidikan	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Poy Hwa Kampung Bechah Kelubi Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Uban
	Kerjaya sebagai tok dalang	Jabatan Kebudayaan, Jabatan Pelancongan
10.10	Latar Belakang keluarga	Ga Mek Lewi Muzium Negara, Kuala Lumpur

		Lemal
12.20	Sebelum terlibat dengan wayang kulit	Petani Wayang Kulit Pasir Parit, Che Kok Pecah Kelubi, Hap Napi Awang Kangkung, Jaafar Bukit Tukul Rantau Panjang, Mamat Bond Bukit Panau, Dolah Baju Merah Hassan Kedai Buluh Bachok Pantai Cahay Bulan Dolah Baju Merah. Kok Lanas
15.49	Awal penglibatan wayang kulit	Pak Dogo Wak Long Wak Yah Samad Said
18.16	Anggaran pendapatan	Kenduri kahwin Kelantan Terengganu Kuantan Perlis

		<p>Malaysia</p> <p>Johor Bharu</p> <p>Pulau Pinang</p>
23.30	Kenangan manis dan pahit	<p>Kuala Lumpur</p> <p>PWTC</p> <p>Petaling Street</p> <p>Jalan Chow Kit</p> <p>Thailand</p>
29.12	Persepsi masyarakat sekliling	<p>Kampung Pasir Parit</p> <p>Malaysia</p> <p>Pulau Mok Rat</p> <p>Wakaf Baru</p> <p>Padang Embong</p> <p>Kota Bharu</p>
35.50	Watak dalam wayang kulit	<p>Seri Rama</p> <p>Laksamana.</p> <p>Hanuman</p> <p>Permaisuri Seri Dewi</p> <p>Pak Dogo</p> <p>Wak Long</p> <p>Wak Yah</p> <p>Samad</p> <p>Said</p> <p>Tumpat</p>

43.04	Cerita paling banyak mendapat sambutan	Tanah Merah Machang Wakaf Che Yeh Gelanggan seni Menteri Besar
55.05	Permodenan wayang kulit	Thailand
61.00	Anugerah yang diterima	Istana Raja
62.00	Persembahan luar negara	Singapore, Thailand Singapore Indonesia Perancis. UNESCO England
66.10	Sejarah wayang kulit	Indonesia Jawa Kelantan Thailand
	Wayang kulit diterapkan di dalam pendidikan	Kuala Lumpur Johor Pulau Pinang

78.00	Nasihat Pak chu kepada generasi baru yang ingin menceburi wayang kulit	Johor Korea Amerika Kelantan Negeri sembilan
-------	--	--

INDEKS

A

Amerika · 28
anak *Meh Batu* · 18
Anak Mek Ikan · 18
anak seni · 12

B

bersara · 25, 33

C

canang · 24
cemuuh · 19
Cina Peranakan · 13

D

Dikir barat · 14

G

geduk · 19, 23, 24
gelanggang seni · 19, 21
gendang · 19, 24
gong · 23, 24

H

Hanume Kera Putih · 25, 26
Hindustan · 19

I

Indonesia · 26
Istana · 26

J

Jepun · 28
Johor Bharu · 17

K

Kelantan · 12, 13, 15, 17, 19, 22, 24, 25, 26, 27, 28
Korea · 28
Kuala Lumpur · 15, 17, 18, 24, 28, 31
Kubang Kerian · 26

L

loghat · 23, 24, 26

M

mak yong · 14
Menteri Besar · 19, 28, 38

P

Pak Dogo · 16, 17, 20
Pasir Parit · 13
patung · 14, 16, 17, 20, 23, 25, 26, 27, 32
Perancis · 26
puteri · 14

R

raja · 16, 22, 25, 26

S

Said · 16, 20, 28
Samad · 16, 20, 26, 28
Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Uban · 13
Seri Maharaja Hanume Tegiling · 21
Seri Rama · 17, 20, 21, 26

Singapura · 26
SPM · 28

T

Terengganu · 17, 21, 23
Thailand · 18, 19, 25, 26, 27, 28
tok guru · 21, 26, 27, 33
Tukang Uhung · 26

U

UNESCO · 26

W

Wak Long · 16, 20
Wak Yah · 16, 17, 20
warisan · 14
wayang gedek · 24, 27
wayang kulit · 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23,
24, 25, 26, 27, 28, 32, 33, 34

Sepintas selesai sesi wawancara



Mohd Faizul Amin menyerahkan cenderahati daripada UiTM kepada Tuan Eyo Hock Seng.



Amiruddin menyerahkan cenderahati daripada UiTM kepada Tuan Eyo Hock Seng.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Enya Hock Seng Pada 24/04/2014

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada 24/04/2014 oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah (Tokoh)

Hj Ghazali Bin Osman,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.